

MUQADDIMAH

Segala puji kami panjatkan kehadirat Allah subhanahu wa ta'ala atas pengurniaan jalan tariqah yang bertujuan menyempurnakan dasar penghambaan kepadaNya serta menjadi penyebab terbukanya pintu-pintu hati insan menuju ke samudra rasa cinta kepadaNya. Selawat dan salam kami sampaikan kepada junjungan besar, Nabi Muhammad s.a.w. yang telah menunjukkan jalan tariqah ini serta memberikan contoh melalui liku-liku hidupnya dalam menempuh jalan menuju kepadaNya. Juga kepada para sahabat, keluarga beliau serta para tabi' tabi'in sehingga para auliya' dan ulama pada masa ini yang mengekalkan dan mempraktikkan ajaran beliau bagi tujuan mencapai keredhaan Ilahi Rabbi.

Dunia Tasauf telah berkembang begitu luas sekali dan telah diwarisi oleh para tokoh-tokoh Sufi sejak kewafatan Baginda Nabi Muhammad s.a.w. Berbicara tentang Tasauf yang salah satu ajarannya mengupas masalah Tariqah, akan timbul pertanyaan apakah hal tersebut ada dalam ajaran Islam.

Dalam ajaran tasauf diterangkan bahawa syariat hanya membicarakan kaedah rukun dan syaratnya suatu ibadah, sedang Tariqahlah yang merupakan jalan yang membawa seseorang untuk taqarrub kepada Allah. Apabila seseorang mampu menyelaraskan antara syariat dan tariqah, maka ia akan menuju hakikat ibadah untuk selanjutnya tercapailah apa yang dinamakan makrifatullah.

Dalam perkara ini, seorang tokoh sufi, As-Syeikh Abul Qasim Junaid Al-Baghdadi pernah berkata bahawa :

“Semua Tariqah (Tasauf) itu tidak akan berhasil jika tidak dilakukan segala ajaran Nabi yang merupakan sumber Tariqah”

Maka kami mebentangkan dalam nota ini sedikit pengetahuan tentang Tariqah agar ianya menjadi pembuka jalan bagi kita untuk meningkat taqarrub kita terhadap Allah yang Maha Mencipta. Begitu juga kami sertakan penerangan tentang pengamalan Tariqah Qadiriyyah Naqsyabandiyyah Pondok Pesantren Suryalaya yang telah sekian lama menjadi pusat penyebaran TQN yang sehingga kini telah tersebar luas pengajarannya di rantau Asia ini.

DEFINISI DAN PENGERTIAN TARIQAH

Tariqah Pada Bahasa

Kalimah **Thariq** berasal dari kekata “**tharaqa**” yang bererti memukul/memanjangkan, menyisir, mengetuk, melalui, mengucapkan, serta datang di malam hari. Thariq bererti tempat berlalu yang luas dan panjang, melebihi luas jalan. Ia juga bererti jalan yang ditempuh oleh kelompok sufi, dijamakkan menjadi thuruq.

Erti **Thariq** sama dengan **tariqah** yang bererti jalan, haluan atau mazhab. **Tariqah** juga mempunyai erti yang menunjuk pada segolongan orang-orang yang dipandang mulia. Iaitu orang-orang yang dihormati dan diikuti oleh masyarakat kerana keluhuran jiwanya. Pada masyarakat Arab biasanya digunakan kata-kata ‘**tariqah al-qaum**’ yang bererti suri tauladan dan pilihan mereka iaitu orang-orang yang dijadikan oleh sesuatu masyarakat sebagai ikutan. Maka masyarakat tersebut mengikuti jalan mereka.

Tariqah Pada Istilah

Dalam Ilmu **Tasawwuf**, **Tariqah** merupakan satu jalan atau kaedah yang ditempuh menuju keridhaan Allah swt dengan amaliah zahir dan bathin sepertimana yang terkandung dalam keluasan Ilmu **Tasawwuf**. Adapun ikhtiar menempuh jalan itu lebih dikenali dengan istilah **Suluk**. Sedangkan orang bersuluk itu pula dipanggil **Salik**.

Dalam keterangan yang lain, dapat difahami bahwa **tariqah** itu adalah jalan atau petunjuk dalam melakukan sesuatu ibadah sesuai dengan ajaran yang dibawa oleh Nabi Muhammad saw dan dikerjakan oleh para sahabat Nabi Muhammad saw, Tabi'in, Tab'i Tabi'in turun temurun sehingga sampai kepada para ulama dan guru-guru. Guru-Guru yang memberikan petunjuk dan bimbingan ini dinamakan **Mursyid**. **Mursyid** peranannya membimbing dan mengajar muridnya setelah memperolehi ijazah dari gurunya pula sebagai tersebut dalam **silsilahnya**. Dengan demikian ahli **Tasawwuf** berkeyakinan bahwa hukum-hakam serta peraturan-peraturan dalam ilmu **Syariah** dapat dilaksanakan dengan sebaik-baik pelaksanaan melalui jalan **Tariqah**.

PENGGUNAAN KATA “TARIQAH” DALAM AL-QURAN

Di dalam **Al-Quranul Karim**, perkataan **Tariqah** digunakan sebanyak 9 kali di dalam 5 surah. Pengertian **tariqah** di dalam Al-Quran mempunyai beberapa pengertian. Antaranya ialah :-

1. Surah An-Nisa' : 168

'Sesungguhnya orang-orang yang kafir dan melakukan kezaliman, Allah sekali-kali tidak akan mengampuni (dosa) mereka dan tidak (pula) akan menunjukkan jalan kepada mereka.'

2. Surah An-Nisa' : 169

لا

'Melainkan jalan ke Neraka Jahannam; mereka kekal di dalamnya selama-lamanya. Dan yang demikian itu adalah mudah bagi Allah.'

3. Surah Thoha : 63

'Mereka berkata : Sesungguhnya dua orang ini adalah benar-benar ahli sihir yang hendak mengusir kamu dari negeri kamu dengan sihirnya dan hendak melenyapkan kedudukan kamu yang utama.'

4. Surah Thoha : 77

'Dan sesungguhnya telah Kami wahyukan kepada Musa: Pergilah kamu dengan hambaKu (Bani Israil) di malam hari, maka buatlah untuk mereka jalan yang kering di laut itu, kamu tidak usah khawatir akan tersusul dan tidak usah takut (akan tenggelam).'

5. Surah Thoha : 104

'Kami lebih mengetahui apa yang mereka katakan ketika berkata orang yang paling lurus jalannya di antara mereka: Kamu tidak berdiam (di dunia) melainkan hanyalah sehari sahaja.'

6. Surah Al-Ahqaf : 30

'Mereka berkata : Hai kaum kami, sesungguhnya kami telah mendengarkan kitab (Al-Quran) yang telah diturunkan sesudah Musa yang membenarkan kitab-kitab yang sebelumnya lagi memimpin kepada kebenaran dan kepada jalan yang lurus.'

7. Surah Al-Mukminin : 17

'Dan sesungguhnya Kami telah menciptakan di atas kamu tujuh buah jalan (tujuh buah langit) dan Kami tidaklah lengah terhadap ciptaan (Kami).'

8. Surah Al-Jinn : 11

'Dan sesungguhnya di antara kami ada orang-orang yang soleh dan di antara kami ada (pula) yang tidak demikian halnya. Adalah kami menempuh jalan yang berbeza-beza.'

9. Surah Al-Jinn : 16

‘Dan bahawasanya jikalau mereka tetap berjalan lurus di atas jalan itu (agama Islam), benar-benar Kami akan memberi minum kepada mereka air yang segar (rezeki yang banyak).’

Jika diperhatikan 3 bentuk kekata **tharaqa** digunakan di dalam Al-Quran. Bentuk tersebut adalah:

- 1) **Thariq** – Jalan yang ditetapkan atau jalan yang dilalui oleh manusia
- 2) **Thariqah** – Keutamaan atau kebenaran
- 3) **Tharaiq** – Berbentuk jamak dari perkataan **thariq** dan **thariqah**. Mempunyai dua makna iaitu :
 - Jalan yang nampak
 - Aliran atau keadaan

ASAL USUL TARIQAH

Nabi Muhammad saw sebagai guru pertama umat Islam telah membuka jalan (tariqah) yang pertama dan telah menyempurnakan tablighnya (penyampaiannya). Maka dengan ini tariqah kaum muslimin keseluruhannya berpokok pangkal dari tariqah Nabi Muhammad saw. Segala amal ibadah yang kita lakukan atau tariqah yang kita amalkan adalah petunjuk yang kita terima dari guru-guru kita. Mereka sebelumnya menerima dari para ulama. Para ulama sebelumnya menerima dari para Tabi' Tabi'in. Mereka pula telah menerima dari para tabi'in yang telah menerima dari sahabat yang langsung menerima dari Rasulullah saw. Rasulullah saw telah menerima segala ajaran pula dari Jibril as dan Jibril pula menerimanya dari Allah swt.

Perlaksanaan sunnah Nabi Muhammad saw yang terkandung dalam Ilmu **Fiqeh** harus dilaksanakan melalui **tariqah**. Tidak mencukupi hanya dari keterangan hadis-hadis Nabi Muhammad saw sahaja tanpa ada sahabat yang melihat cara pelaksanaan Nabi saw dalam sesuatu ibadah. Kemudian mereka pula menceritakan kembali caranya kepada murid-muridnya iaitu para tabi'in dan seterusnya. Apabila seseorang mempelajari ilmu **Fiqeh** sebenarnya ia sudah melakukan satu tariqah.

Apabila seorang guru mengajarkan ilmu sembahyang misalnya, ia pasti mengajar, membimbing dan menunjukkan cara pelaksanaan yang betul, dengan niat yang sah, segala rukun sembahyang sehingga dapat sembahyang itu

akhirnya dilaksanakan dengan sempurna. Semua bimbingan gurunya itu dinamakan **tariqah**. Maka apabila pelaksanaan ibadah itu meninggalkan kesan pada jiwanya dan dikerjakan secara maksimal, maka ia akan menjadi **Haqiqah**, sedangkan hasilnya, sebagai tujuan terakhir daripada semua pelaksanaan ibadah itu ialah mengenal Tuhan sebaik-baiknya, atau dalam istilah Tasawwuf disebut mencapai **Makrifatullah**.

Syariah dan **Tariqah** adalah tidak lain daripada mewujudkan pelaksanaan ibadah dan amal, sedangkan **Haqiqah** itu memperlihatkan ahwal dan rahsia tujuannya.

Dalam Ilmu **Tasawwuf** penjelasan ini disebut: **Syariah** itu merupakan peraturan. **Tariqah** itu merupakan pelaksanaan. **Haqiqah** itu merupakan keadaan dan **Makrifah** itu adalah tujuan yang terakhir iaitu mengenal Allah swt.

Imam As-Syeikh An-Naqsyabandi mengatakan:

"Syariah itu segala apa yang diwajibkan, dan Haqiqah itu segala apa yang diketahui. Syariah itu tidak boleh terlepas dari Haqiqah dan Haqiqah pula itu tidak boleh terlepas dari Syariah."

Imam Malik pula berkata:

"Barangsiapa mempelajari Fiqeh sahaja tidak mempelajari Tasawwuf, maka ia fasik. Barangsiapa mempelajari Tasawwuf sahaja dengan tidak mengenal Fiqeh, maka dia itu zindiq. Barangsiapa mempelajari serta mengamalkan kedua-duanya itu, maka dia itulah Mutahaqqiq, iaitu ahli Haqiqah yang sebenarnya."

PANDANGAN PARA ULAMA MENGENAI TARIQAH

Disini kami sertakan beberapa pengertian Tariqah yang diusulkan oleh para ulama.

Syekh Ahmad Khatib bin Abdul Latiff di dalam kitabnya **Al-Ayatul Baiyinat** :

"Jalan kepada Allah dengan mengamalkan ilmu Tauhid, Fikeh dan Tasawwuf".

Tuan Hj Abdullah Ujong Rimba di dalam kitabnya **Ilmu Thariqat dan Hakikat**:

“Cara atau kaifiat mengerjakan sesuatu amalan untuk mencapai sesuatu tujuan’.

Dr Ahmad Tafsir di dalam artikelnya bertajuk **Tarekat dan Hubungannya Dengan Tasawwuf** mengatakan :

“Sufi-sufi besar seperti Al-Junaid, Al-Qusyairi, dan Al-Ghazali telah merintis jalan-jalan yang berisi kaedah-kaedah dalam usaha mereka masing-masing mendekati diri kepada Allah s.w.t. Kaedah-kaedah itu...disebut maqamat, yang jumlah dan urutannya berbeda antara sufi yang satu dengan sufi yang lain. Jalan itu sendiri oleh kaum sufi di sebut Tariqah”.

SEJARAH TARIQAH

Islam merupakan agama lengkap yang menjangkau segala aspek hidup, samaada dalam menyediakan keperluan rohani dan jasmani manusia. Tujuan hidup manusia sesuai dengan fungsinya sebagai khalifah Allah swt di muka bumi ini adalah untuk mencurahkan pengabdian yang sepenuhnya kepada Allah swt.

Amanah dan risalah agama tauhid telah berkembang turun temurun sejak Nabi Adam sehingga ke junjungan kita Nabi Muhammad saw. Rasulullah saw telah mempamerkan qudwa yang baik menerusi ibadahnya, musyahadahnya, muraqabahya dan segala tindak tanduknya. Ini jelas dapat dilihat dalam sejarah kehidupan Nabi Muhammad saw apabila diteliti.

Rasulullah saw telah membawa Islam ke suatu tahap yang sempurna dan menerapkan ajaran dasar iaitu tauhid ke dalam setiap manusia yang mengesakan Allah swt. Diikuti pula dengan pelaksanaan penghambaan melalui peraturan-peraturan agama dan syariat yang tercangkup dalam rukun Islam. Melalui contoh hidup beliau, Rasulullah saw menjadi petunjuk terbaik dalam pelaksanaan ajaran-ajaran tuhan yang diwahyukan itu.

Contoh kezuhudan Rasulullah saw adalah satu tarikan pula buat sebahagian besar para sahabat terutama Sayyidina Abu Bakar ra, Sayyidina Omar ra, Sayyidina Uthman ra, Sayyidina Ali ra, Abu Zar Al-Ghiffari ra, Abu Hurairah ra dan ramai lagi untuk mengikuti.

Para sahabat dan mereka yang mengikut ajaran Rasulullah saw telah memperjuangkan Islam secara zahir dan batin. Semasa pemerintahan Khulafah Ar-Rashidin, Islam telah tersebar luas sehingga ke Mesir, Palestine, Syria, Iraq, Parsi, Byzantium dan juga ke setiap pelusuk negara yang lain.

Setelah berlalu zaman Khulafah Ar-Rashidin dan kerajaan Bani Umaiyyah, hampir semua para Khalifah yang menduduki takhta telah meninggalkan kezuhudan dan kehidupan sederhana. Mereka telah terpesona dengan kehidupan mewah dan kekuasaan sehingga mereka berani melakukan perbuatan-perbuatan yang tidak mengikut sunnah dan ajaran-ajaran Nabi Muhammad saw.

Perubahan sosio ekonomik dan politik pada zaman pemerintahan Bani Umaiyyah adalah titik tolak pelancaran suatu aliran zuhud dan mengutamakan pembinaan rohani dalam Islam. Sebenarnya aliran itu, tidak berniat untuk mengemukakan sesuatu yang baru atau di luar lingkungan agama Islam. Mereka sebenarnya rasa terharu dengan perpecahan umat yang berlaku ketika itu dan merindukan suasana kehidupan yang murni seperti di zaman Rasulullah saw.

Maka pada kebelakangan era pemerintahan Bani Umaiyyah, para zuhud tampil dihadapan terutama di Basrah dan Kufah. Disanalah Hassan Al-Basri dikenali sebagai penggerak Sufi yang terulung. Masa pemerintahan Abasiyyah pula bangkitlah golongan-golongan Sufi yang menggerakkan konsep-konsep kerohanian. Pada zaman inilah sempadan Sufi mula melebar dari perlakuan zuhud ke peringkat ma'rifat ke lebih dalam. Ahli sejarah menetapkan Sheikh Ma'ruf Al-Karkhi sebagai ulama Sufi yang mengemukakan aliran ini. Konsep Sufi ini diteruskan oleh mereka seperti Abu Sulaiman Ad-Darani dan Zunnun Al-Masri dan yang lainnya.

Kemunculan Imam Al-Ghazali pula menguatkan dan mendokong usaha pemikir-pemikir Sufi. Beliau bertanggungjawab menerapkan ilmu Tasauf dalam pemikiran dasar ilmu Tafsir dan seterusnya menguatkan pengamalannya dalam Tariqah.

Tren yang berdasar luas dalam pergerakan Tariqah di masa pemerintahan Bani Abasiyyah telah menarik ramai pengikut yang mempunyai latar belakang yang berbeza. Kemudian perkembangan Tariqah begitu cepat sekali. Di masa Al-Ghazali, Tariqah mencapai ekspresi yang lebih sistematik sebagai alat penyampaian Sufi. Dua faktor bertanggungjawab mempelopori fenomena itu adalah Sheikh Tariqah dan para pengikutnya sehinggalah Tariqah itu tersebar luas dan diamalkan di setiap pelusuk bumi sehingga ke hari ini.

TUJUAN DAN POKOK TARIQAH

Tariqah sebagai organisasi para salik dan sufi, pada dasarnya memiliki tujuan yang satu, iaitu **Taqarrub** (mendekatkan diri) kepada Allah swt. Akan tetapi sebagai organisasi, para salik yang kebanyakan diikuti masyarakat awam merupakan para **Mubtadi'in**, maka dalam tariqah terdapat tujuan-tujuan yang

lain yang diharapkan dapat mendukung tercapainya tujuan pertama dan utama tersebut. Sehingga secara garis besar, dalam Tariqah terdapat tiga tujuan yang masing-masing melahirkan tatacara dan jenis-jenis amalan kesufian. Ketiga tujuan pokok tersebut adalah :

1) Tazkiyatun Nafs (Penyucian Jiwa)

Ia merupakan satu proses penyucian jiwa yang akan menghasilkan ketenteraman, ketenangan dan rasa dekat dengan Allah swt dengan menyucikan hati dari segala kekotoran dan penyakit hati atau penyakit jiwa. Tujuan ini merupakan syarat yang harus dipenuhi oleh seorang salik atau ahli tariqah. Bahkan dalam tradisi tariqah, Tazkiyatun Nafs ini dianggap sebagai tujuan pokok. Dengan bersihnya jiwa dari berbagai macam penyakit, akan secara langsung menjadikan seseorang dekat kepada Allah swt.

Zikrullah (Mengingati Dan Menyebut Allah)

Adapun jalan atau cara menjalani proses Tazkiyatun Nafs ini adalah dengan *Zikrullah* (mengingat Allah). *Zikrullah* merupakan amalan khas yang mesti ada dalam setiap Tariqah. Yang dimaksudkan dengan Zikir dalam sesuatu tariqah adalah mengingati Allah swt dan menyebut nama Allah swt, baik secara Jahar (lisan) atau secara Sirr (rahsia). Di dalam Tariqah, zikrullah diyakini sebagai cara yang paling efektif untuk membersihkan jiwa dari segala macam kekotoran dan penyakit-penyakitnya sehingga hampir semua tariqah menggunakan cara ini.

Selain zikrullah, Tazkiyatun Nafs ini juga diperolehi dengan :

- ❖ Mengamalkan Syariat
- ❖ Melaksanakan amalan-amalan sunnah
- ❖ Berperilaku zuhud dan wara'

2) Taqarrub (Mendekatkan Diri Kepada Allah swt)

Taqarrub atau mendekatkan diri kepada Allah swt merupakan antara tujuan utama para sufi dan ahli tariqah. Ini diupayakan dengan beberapa cara yang tersendiri. Cara-cara tersebut dilaksanakan di samping pelaksanaan dan upaya mengingat Allah (zikir) secara terus-menerus, sehingga sampai tidak sedetik pun seorang salik itu lupa kepada Allah swt. Antara cara yang biasanya dilakukan oleh para pengikut tariqah untuk mendekatkan diri kepada Allah dengan lebih berkesan ialah:

❖ Tawassul & Wasilah

Tawassul dan Wasilah dalam upaya mendekatkan diri kepada Allah yang biasa dilakukan di dalam tariqah adalah suatu cara (wasilah) agar pendekatan diri kepada Allah swt dapat dilakukan dengan mudah dan ringan. Di antara bentuk-bentuk Tawassul yang biasa dilakukan adalah menghadiahkan bacaan

Al-Fatihah kepada Syekh yang memiliki silsilah tariqah yang diikutinya sejak Nabi Muhammad saw sampai kepada mursyid yang mengajar zikir kepadanya.

❖ **Muraqabah (Pengawasan)**

Muraqabah ialah duduk bertafakkur atau mengheningkan perbuatan dengan penuh kesungguhan hati, dengan seolah-olah berhadapan dengan Allah swt. Meyakinkan diri bahawa Allah swt senantiasa mengawasi dan memerhatikannya. Sehingga dengan latihan Muraqabah ini, seorang salik akan memiliki nilai lisan yang baik, dan akan dapat merasakan kehadiran Allah swt di mana sahaja dan pada setiap masa.

❖ **Khalwat & Uzhlah (Mengasingkan Diri)**

Khalwat atau uzlah adalah mengasingkan diri dari hiruk pikuk urusan duniawi. Sebahagian tariqah tidak mengajarkan Khalwat ini dalam keadaan fizikal, kerana mengikut golongan ini khalwat cukup dilakukan menerusi kehadiran hati (Khalwat Qalb). Sedangkan sebahagian tariqah yang lain, mengajarkan Khalwat atau Uzhlah secara fizikal, sebagai pengajaran untuk membawa penuntutnya dapat melakukan Khalwat Qalb. Ajaran tentang khalwat ini dilaksanakan dengan mengambil iktibar dari amalan Rasulullah saw pada menjelang masa pengangkatan kenabiannya. Dalam pelaksanaan Khalwat ini diisi dengan berbagai Mujahadah demi mendekatkan diri kepada Allah swt. Dalam tradisi sebahagian tariqah di rantau Nusantara ini, Khalwat ini lebih dikenali dengan Suluk.

3) Tujuan-Tujuan Lain

Tariqah sebagai kumpulan yang menghimpunkan para calon sufi atau Salik, yang kebanyakannya terdiri dari masyarakat awam dan kedudukan mereka itu berperingkat Muftadi'in (permulaan), maka dalam tariqah terdapat amalan-amalan yang menyesuaikan kepada keadaan masyarakat awam. Amalan-amalan tersebut bertujuan mengharapkan sesuatu imbalan ataupun pertolongan dalam melaksanakan tujuan pengamalan tersebut. Kadang kalanya amalan-amalan inilah yang biasanya memenuhi masa ruang para Salik.

Di antara amalan-amalan tersebut ialah :

❖ **Wirid**

Wirid adalah suatu amalan yang harus dilaksanakan secara istiqamah (berterusan), pada waktu-waktu yang khusus seperti setiap selesai mengerjakan sembahyang atau pada waktu-waktu tertentu yang lain. Wirid ini biasanya berupa potongan-potongan ayat, selawat atau pun nama-nama Allah.

Perbedaannya dengan zikir adalah kalau zikir itu diijazahkan oleh seorang Mursyid dalam proses Bai'ah atau Talqin atau Hirqah. Sedangkan wirid tidak semestinya harus diijazahkan oleh seorang Mursyid dan tidak diberikan dalam suatu proses perjanjian (bai'ah). Sedangkan dari sudut tujuan juga memiliki perbedaan antara keduanya. Zikir hanya dilakukan satu-satunya untuk mendekatkan diri kepada Allah swt, sedangkan wirid biasa dikerjakan untuk kepentingan-kepentingan tertentu yang lain, umpama memohon keberkahan rezeki, pertolongan dan sebagainya.

❖ **Ratib**

Ratib adalah amalan yang harus diwiridkan oleh para pengamalannya. Tetapi Ratib ini merupakan kumpulan dari beberapa potongan ayat atau surah-surah pendek yang digabungkan dengan bacaan-bacaan lain seperti Istighfar, Tasbih, Selawat, Asmaul Husna, Kalimah Thayyibah dalam suatu jumlah yang telah ditentukan dalam pengamalan yang khusus.

Ratib ini biasanya disusun oleh seorang mursyid besar dan diberikan secara ijazah kepada para muridnya. Ratib ini juga biasa diamalkan oleh seorang dengan tujuan untuk meningkatkan kekuatan rohani dan merupakan wasilah (perantaraan) dalam doa untuk kepentingan hajat-hajat yang khusus.

❖ **Hizib**

Hizib pula adalah suatu doa yang panjang, dengan susunan perkataan dan bahasa yang indah disusun oleh seorang sufi besar. Hizib ini biasanya merupakan doa pelindung bagi seorang sufi yang juga diberikan kepada muridnya secara ijazah. Hizib diyakini oleh kebanyakan masyarakat Islam sebagai amalan yang dimiliki daya yang sangat besar terutama jika diperhadapkan dengan ilmu-ilmu ghaib dan kesakitan.

❖ **Manaqib**

Manaqib sebenarnya adalah biografi seorang sufi besar atau wali Allah seperti As-syeikh Abdul Qadir Jailani dan Syeikh Bahauddin An-Naqsyabandi. Diyakini oleh para pengamal tariqah sebagai mempunyai suatu kekuatan rohani dan barakah. Bacaan Manaqib ini seringkali dijadikan sebagai amalan, terutama untuk mengingat sejarah dan perjuangan para waliyullah dan untuk tujuan terkabulnya segala hajat-hajat yang baik dan khusus.

Secara rumusan, pokok dari semua Tariqah itu ada lima :

Pertama – Mempelajari ilmu pengetahuan yang bersangkutan paut dengan pelaksanaan segala perintah-perintah syara’.

Kedua – Mendampingi guru-guru dan teman setariqah untuk melihat bagaimana cara melakukan sesuatu ibadah.

Ketiga – Meninggalkan segala Rukhsah dan Takwil untuk menjaga dan memelihara kesempurnaan amal.

Keempat – Menjaga dan mempergunakan waktu serta mengisikannya dengan segala wirid dan doa guna kekhushyukan dan kehadiran jiwa.

Kelima – Mengekang diri, jangan sampai keluar melakukan hawa nafsu dan supaya diri itu terjaga daripada kesalahan.

INTISARI DALAM TARIQAH

1) Guru atau Mursyid

Syeikh atau guru mempunyai kedudukan yang penting dalam Tariqah. Ia juga sering dikenali dengan panggilan Mursyid (yang memberi petunjuk). Seorang guru tidak sahaja merupakan seorang pemimpin yang mengawasi murid-muridnya dalam kehidupan zahir dan pergaulan sehari-hari, agar tidak menyimpang daripada ajaran-ajaran Islam dan terjerumus kepada perbuatan maksiat, berbuat dosa besar atau kecil, yang segera harus ditegurinya. Akan tetapi peranannya juga lebih dari itu, adalah sebagai pemimpin kerohanian yang tinggi sekali kedudukannya dalam Tariqah. Ia merupakan perantaraan dalam ibadah antara murid dan Tuhannya. Ini dikaitkan dengan peranan Rasulullah saw didalam membimbing para sahabat menuju kepada penghambaan kepada Allah.

Seorang syeikh dalam Tariqah membimbing muridnya dengan memberikan pengajaran zikrullah melalui proses Bai’at (perjanjian). Dan kedudukan syeikh itu haruslah bersilsilah dengan para gurunya pula di mana dia memperoleh ajaran Tariqah tersebut.

Oleh kerana itu jabatan ini tidaklah dapat dipangku oleh orang sembarangan walaupun ia mempunyai pengetahuan yang lengkap tentang Tariqah. Di samping menerima ijazah dari guru sebelumnya sebagai penerus pemimpin tariqah, seorang syeikh itu haruslah mempunyai kebersihan rohani dan kehidupan bathin yang murni. Berbagai-bagai jolokan nama yang tinggi diberikan kepadanya menurut kedudukannya. Antaranya:

Mursyid	Orang yang memberikan petunjuk (Irsyad)
Sheikh	Nama yang sering dikaitkan sebagai guru, ketua atau pemimpin
Murabbi	Orang yang mengajarkan ilmu pendidikan (tarbiah)
Maulana	Gelaran 'tuan' guru yang sudah mencapai darjat tinggi
Mua'allim	Guru yang memberikan ilmu
Mudarris	Pengajar atau pengurus satu pengajian
Muaddib	Guru yang mengajar adab atau tatasusila. Manusia dipanggil 'adib' dalam hubungan dengan Khaliq (Penciptanya)
Ustaz	Gelaran biasa bagi seorang guru. Ia lazim sekali digunakan dalam rantau sebelah sini, terutama di Singapura, Malaysia dan Brunei. Tetapi di Indonesia sering ustaz itu dipanggil kiyai.
Nussak	Orang yang mengerjakan segala amal dan perintah agama
Ubbad	Orang yang ahli dan ikhlas mengerjakan segala ibadah
Imam	Pemimpin bukan sahaja dalam soal ibadah, bahkan juga dalam sesuatu aliran keyakinan
Sadah	Bererti Penghulu. Gelaran ini juga kadangkala diberikan kepada seorang guru sebagai penghormatan atau orang yang dihormati dan diberi kuasa yang penuh.

2) Murid atau Salik

Pengikut sesuatu tariqah itu dinamakan murid, iaitu orang yang menghendaki pengetahuan dalam segala amal ibadahnya. Murid itu terdiri dari lelaki dan perempuan, tua mahupun muda. Dalam tariqah, seorang murid itu tidak hanya berkewajipan mempelajari segala sesuatu yang diajarkan atau melakukan segala sesuatu yang dilatihkan guru kepadanya yang merupakan pokok asal dari ajaran-ajaran sesuatu Tariqah. Bahkan ia harus patuh dan beradab kepada syeikhnya, dirinya sendiri mahupun terhadap saudara-saudaranya setariqah serta orang Islam yang lain. Segala sesuatu yang bertalian dengan itu, diperhatikan dengan sungguh-sungguh oleh Mursyid sesuatu tariqah, kerana kepada keperibadian merid-muridnya itulah bergantung yang terutama berhasil atau tidak perjalanan suluk tariqah yang ditempuhnya. Pelajaran-pelajaran kesufian dan latihan-latihan tariqah itu akan kurang

faedahnya, jika ianya tidak meninggalkan perubahan budi pekerti dan peningkatan amaliah murid-murid itu.

3) Talkin dan Bai'ah

Talkin dalam istilah Tasawwuf adalah pengajaran dan peringatan yang diberikan oleh seorang Mursyid kepada muridnya yang hendak mempelajari beramal mengikut perjalanan tariqahnya. Manakala Bai'ah pula bererti perjanjian ('ahad) kesanggupan kesetiaan seorang murid di hadapan gurunya untuk mengamal dan mengerjakan segala amalan dan kebajikan yang diperintahkan oleh gurunya.

Talkin dan bai'ah dalam pelaksanaan adalah sesuatu yang asas dan menjadi pokok pengamalan dalam tariqah. Seorang murid sebelum mengamal, terlebih dahulu harus mendapatkan Bai'ah dan berjanji dengan gurunya dengan penuh kesetiaan.

Dengan menjalani proses perjanjian ini, ia akan dapat memberi kesan yang mendalam kepada orang yang menerima pengajaran itu dan dapat menguatkan tali ikatan perguruan dan persaudaraan kukuh yang tidak akan putus antara seorang murid dan gurunya juga meninggalkan pengertian yang sangat mendalam dan cara-cara serta adab yang akan ditinggalkan dalam ingatan kedua belah pihak.

Kebiasaannya, seorang Syeikh atau Mursyid akan memberikan pengajaran Zikrullah kepada muridnya sebagai amalan pokok dalam tariqah. Zikrullah yang diajarkan berupa kalimah Tauhid 'Laa Ilaha Illallah' diajarkan kepada murid dengan cara pengamalan yang khusus, terutama melafazkan kalimah ini dengan lafaz yang bersuara dan juga di dalam hati.

Inilah cara yang pernah dipelajari dan diambil oleh Sayidina Abu Bakar As Siddiq ra dan Sayidina Ali Bin Abi Thalib ra daripada Rasulullah saw sehingga melaksanakan zikir dengan kalimah ini dapat meresap teguh sampai ke dalam hati. Terdapat banyak hadis yang menerangkan peristiwa Nabi Muhammad saw mengambil 'ahad (perjanjian) pada waktu membai'atkan para sahabatnya, secara perseorangan dan berjamaah.

Diriwayatkan oleh Ahmad dan At-Tabrani dari Syaddad Bin Aus bahawa Rasulullah saw pernah mentalkin sahabat-sahabat beliau secara berjamaah dan perseorangan. Pada suatu hari ketika kami berada dekat Nabi saw dan beliau bersabda, "Adakah di antara kamu orang asing?" (yakni Ahli Kitab). Maka saya menjawab: 'Tidak ada'. Lalu Rasulullah saw berkata, "Angkatlah tanganmu dan ucapkanlah Laa Ilaha Illallah". Lantas beliau menyambung, "Segala puji

bagi Allah wahai Tuhanku, Engkau telah mengutus aku dengan kalimah ini dan Engkau menjadikan dengan ucapannya kurnia syurga kepadaku dan bahawa Engkau tidak sekali-kali memungkiri janji". Kemudian beliau bertanya: "Ketahuilah, gembiralah. Sesungguhnya Allah swt telah mengampuni kamu sekalian."

Terdapat juga sesetengah kumpulan tariqah yang menjalankan proses perjanjian dan talqin dengan cara yang berlainan iaitu dengan **Wasiat, Ijazah dan Khirqah**.

Ijazah dan **Wasiat** merupakan kekuasaan seorang guru dalam bentuk surat keterangan yang memberi kekuasaan kepada seorang murid untuk mengamalkan sesuatu atau selanjutnya mengajarkan pengamalan tariqah itu kepada orang lain.

Manakala **Khirqah** pula berupa sepotong kain atau pakaian yang pada kebiasaannya dari bekas pakaian seorang guru yang diberikan kepada murid atau memakainya sebagai mengikat ikatan perguruan dalam pengamalan tariqah. Ini akan menghasilkan keberkahan dan dianggap suci dan menjadi kenang-kenangan bagi seorang murid.

4) Silsilah

Silsilah bagi seorang Syeikh atau Mursyid merupakan sesuatu yang penting untuk mengajar dan memimpin sesuatu tariqah. Mereka yang menggabung diri kepada sesuatu tariqah, hendaklah mengetahui benar-benar nisbah atau hubungan guru-gurunya yang sambung-menyambung antara satu sama lain sampai kepada Nabi Muhammad saw. Ini dianggap perlu dan sesuatu yang darurat kerana ia memberikan petunjuk kepada seorang murid. Bantuan kerohanian yang diambil guru-gurunya itu harus benar, dan jika tidak berhubungan sampai kepada Nabi Muhammad saw, maka bantuan itu dianggap terputus dan tidak merupakan warisan daripada Nabi saw. Seorang murid dalam tariqah hanya membuat perjanjian dengan gurunya dan tidak menerima Bai'ah, Talqin, Ijazah, Wasiat atau Khirqah tanda kesanggupan dan kesetiaan, kecuali kepada Mursyid yang mempunyai silsilah yang baik dan benar.

Silsilah itu merupakan hubungan nama-nama yang panjang yang satu bertalian dengan yang lain, dari kedudukan Mursyid hingga kepada Rasulullah saw. Barangsiapa yang tidak ada hubungan dengan Nabi saw ia dianggap terputus limpahan cahaya dan tidak menjadi waris Rasulullah saw. Orang yang demikian tidak dibolehkan mengambil Bai'ah daripadanya dan ia tidak boleh memberi atau diberi Ijazah. Barangsiapa yang mengamalkan tariqah tetapi tidak mengenal nenek moyangnya (silsilah) dari para Masyaikh, ia ditolak dan tidak diakui.

Setiap orang yang tidak mempunyai syeikh (Mursyid) yang memberi bimbingan kepada jalan keluar dari sifat sifat tercela, maka dia dianggap maksiat kepada Allah dan RasulNya kerana dia tidak dapat petunjuk mengenai jalan mengubatnya. Walaupun ia mengamalkan segala perkara yang bersifat aktif ataupun menghafal seribu buku tidaklah bermanfaat dengan tidak berguru atau mempunyai Syeikh.

TARIQAH-TARIQAH YANG MU'TABARAH (YANG DIAKUI KEBENARANNYA)

Tariqah sebagaimana telah diakui dalam Ilmu Tasawwuf sebagai jalan yang memberi petunjuk dan membawa seseorang itu kepada Tuhannya dengan pengabdian sebenarnya. Justru demikian, jalan untuk menyampaikan kepada maksud dan tujuan itu terbentang luas dan banyak sekali. Kepelebagaian tariqah yang wujud dan bermacam jenis, warna dan caranya tetap kembali yang matlamat yang satu iaitu Taqarrub kepada Allah swt dan akhirnya mencapai Makrifatullah.

Tariqah-tariqah sejak awal kewujudannya telah berkembang pesat dan diamalkan sehingga ke hari ini. Bilangannya banyak sekali. Ada tariqah-tariqah yang merupakan tariqah asas yang dibentuk oleh ahli-ahli Tasawwuf, dan ada juga tariqah-tariqah yang merupakan perpecahan daripada tariqah asas, telah dipengaruhi oleh pendapat para masyaikh tariqah asas, telah dipengaruhi oleh pendapat para masyaikh tariqah yang mengamalkannya di belakangnya atau oleh keadaan setempat, keadaan bangsa yang menganut tariqah-tariqah itu. Banyak diantara perpecahan tariqah-tariqah itu disusun atau diberi istilah-istilah yang sesuai dengan tempat perkembangannya.

Dr Syeikh H.Jalaluddin, seorang pakar ilmu Tasawwuf dan seorang ahli tariqah,telah banyak menulis tentang perkembangan tariqah-tariqah, antara lain tariqah-tariqah yang telah diakui kesahihannya. Beliau menerangkan tariqah-tariqah tersebut ialah:-

1	<i>Tariqah Qadiriyyah</i>	22	<i>Tariqah 'Usyaqiyyah</i>
2	<i>Tariqah Naqsyabandiyyah</i>	23	<i>Tariqah 'Umariyyah</i>
3	<i>Tariqah Syaziliyyah</i>	24	<i>Tariqah 'Uthmaniyyah</i>
4	<i>Tariqah Ahmadiyyah</i>	25	<i>Tariqah 'Aliyyah</i>
5	<i>Tariqah Rifaiyyah</i>	26	<i>Tariqah Bakriyyah</i>
6	<i>Tariqah Dasukiyyah</i>	27	<i>Tariqah 'Abbasiyyah</i>
7	<i>Tariqah Akbariyyah</i>	28	<i>Tariqah Haddadiyyah</i>
8	<i>Tariqah Maulawiyyah</i>	29	<i>Tariqah Maghribiyyah</i>
9	<i>Tariqah Qurabiyyah</i>	30	<i>Tariqah Ghaibiyyah</i>
10	<i>Tariqah Suhrawardiyyah</i>	31	<i>Tariqah Hadiriyyah</i>

11	<i>Tariqah Khalwatiyyah</i>	32	<i>Tariqah Syattariyyah</i>
12	<i>Tariqah Jalutiyyah</i>	33	<i>Tariqah Bayumiyyah</i>
13	<i>Tariqah Bakdasiyyah</i>	34	<i>Tariqah 'Aidrusiyyah</i>
14	<i>Tariqah Ghazaliyyah</i>	35	<i>Tariqah Sanbliyyah</i>
15	<i>Tariqah Rumiyyah</i>	36	<i>Tariqah Malawiyyah</i>
16	<i>Tariqah Jastiyyah</i>	37	<i>Tariqah Anfasiyyah</i>
17	<i>Tariqah Sya'baniyyah</i>	38	<i>Tariqah Sammaniyyah</i>
18	<i>Tariqah Kaisaniyya</i>	39	<i>Tariqah Sanusiyyah</i>
19	<i>Tariqah Hamzawiyyah</i>	40	<i>Tariqah Idrisiyyah</i>
20	<i>Tariqah Sya'baniyya</i>	41	<i>Tariqah Badawiyyah</i>
21	<i>Tariqah 'Alawiyyah</i>		

Sebagai contoh, kami bawakan diantara sejarah dan perkembangan ringkas beberapa tariqah yang tercatat di atas berupa tariqah yang masih diamalkan sehingga ke hari ini dan termasyhur di rantau nusantara ini.

Tariqah Syaziliyyah

Nama pendiri tariqah ini ialah Abul Hassan Ali As-Syazili dalam sejarah keturunannya dihubungkan dengan keturunan Sayidina Hassan putera Sayidina Ali Bin Abi Thalib ra. Lahir di Amman, salah sebuah desa kecil di Afrika, berdekatan desa Mansiyyah, dimana hidup seorang wali Sufi besar, As-Syeikh Abul Abbas Al-Mursi, seorang yang namanya tidak asing dalam dunia Taswwuf. Kedua-dua desa itu terletak di daerah Maghribi.

As-Syazili lahir pada tahun 573H. Beliau terkenal sebagai seorang yang memiliki perwatakan yang baik, wajah yang menunjukkan keimanan dan keikhlasan. Warna kulitnya sedang serta badannya agak panjang dengan bentuk wajahnya yang agak memanjang. Menurut Ibnu Sibagh, bentuk badannya itu menunjukkan bentuk seorang yang penuh dengan rahsia-rahsia hidup. Menurut Abdul 'Aza'im pula, As-Syazili adalah seorang yang ringan lidahnya, baik segala ucapannya sehingga segala ucapan yang keluar dari mulutnya mengandungi hikmah dan pengertian yang besar dan mendalam.

Tariqah Syaziliyyah dibentuk dengan menisbah kepada nama pengasasnya. Ia merupakan tariqah yang silsilahnya sambung-menyambung sampai kepada Hassan Bin Ali Bin Abi Thalib ra dan terus sampai kepada Rasulullah saw. Salah sebuah tariqah yang dikatakan termudah mengenal ilmu dan amal, mengenal ahwal dan maqam, ilham dan maqal dengan mudah dapat membawa pengikut-pengikutnya kepada jazab, mujahadah, hidayah, rahsia dan karamah.

Menurut kitab-kitabnya, Tariqah Syaziliyyah tidak meletakkan syarat-syarat yang berat kepada Syeikh tariqah, kecuali mereka harus meninggalkan segala perbuatan maksiat, memelihara segala ibadah-ibadah sunnah semampunya, zikir kepada tuhan sebanyak mungkin, sekurang-kurangnya seribu

kali sehari semalam, istighfar sebanyak seratus kali sehari semalam, serta beberapa zikir yang lain. Kitab Syaziliyyah meringkaskan sebanyak dua puluh adab, lima sebelum memulakan zikir. Dua belas dalam mengucapkan zikir dan tiga sesudah selesai berzikir.

Tariqah Qadiriyyah

Tariqah ini didirikan oleh seorang wali sufi yang agung, As-Syeikh Abdul Qadir Al-Jailani. Beliau seorang yang alim dan zahid, diberi gelaran Qutbul Aqtab. Seorang ahli fiqih Mazhab Hambali yang terkenal, kemudian beralih kecenderungannya kepada ilmu tariqah dan menyelami alam kesufian. Sejarah tentang kehidupan As-Syeikh dengan segala macam karamahnya banyak tercatat dalam kitab-kitab Manaqib As-Syeikh Abdul Qadir Al-Jailani.

Ibnu Batutah menceritakan bahawa dalam zamannya sudah mulai dipergunakan orang tempat melakukan latihan-latihan suluk, dan latihan-latihan yang dilakukan di Baghdad itu menurut ajaran-ajaran As-Syeikh Abdul Qadir Al-Jailani. Sehingga dengan demikian, ajarannya itu lama kelamaan merupakan satu mazhab Sufi dan setiap murid yang telah menamatkan ajarannya sudah beroleh ijazah khirqah dan berjanji akan meneruskan dan menyiarkan ajarannya itu. Demikianlah diceritakan As-Suhrawardi dalam kitabnya 'Awariful Ma'arif' yang tertulis pada hujung kitab Ihya Ulumuddin karya Imam Al-Ghazzali.

Tariqah mula berkembang pada awalnya di tanah Arab. Ali Bin Al-Haddad semasa waktu hidup As-Syeikh telah mula menyebarkan tariqah ini di Yaman. Muhammad Batha' berasal dari Balbek, pula menyebarkan tariqah ini di Syria. Begitu juga Muhammad Al-Yunani terkenal sebagai seorang penyair Tariqah Qadiriyyah di balbek dan juga Muhammad bin Abdus Samad yang mewakili As-Syeikh Abdul Qadir sendiri untuk mengembangkan tariqahnya di Mesir.

Demikianlah seterusnya ajaran Tariqah Qadiriyyah disebarkan luas ke negara-negara lain. Ke Makkah, Turki, tersiar juga ke Afrika Tengah, ke Asia sehingga membawa ke rantau nusantara kita ini.

Tariqah Qadiriyyah mempunyai zikir-zikir, wirid dan hizib-hizib yang tertentu. Wirid-wirid Tariqah Qadiriyyah termuat dalam kitab 'Al-Fuyudat Ar-Rabbaniyyah' karangan Abdullah Bin Muhammad Al-Ajami, juga seorang sufi yang alim yang telah mencapai umur 183 tahun (527–721 H)

Pokok dasar Tariqah Qadiriyyah sama banyaknya dengan Tariqah Syaziliyyah iaitu terdiri dari lima asas yang penting. Asas Tariqah Syaziliyyah itu terdiri dari lima perkara:-

- 1) Taqwa kepada Tuhan zahir dan bathin
- 2) Mengikut sunnah dalam perkataan dan perbuatan

- 3) Menjauhkan diri dari makhluk di depan dan di belakang.
- 4) Rela terhadap Tuhan dalam pemberiannya yang sedikit atau banyak
- 5) Kembali kepada Tuhan dalam waktu susah dan senang.

Manakala asas pengajaran Tariqah Qadiriyyah pula ada lima perkara;

- 1) Tinggi cita-cita
- 2) Memelihara kehormatan
- 3) Memelihara hikmah
- 4) Melaksanakan maksud
- 5) Mengagungkan nikmat dan keseluruhan ini semua ditujukan hanya kepada Allah swt semata-mata

Barangsiapa yang cita-citanya tinggi, maka tinggilah martabatnya. Barangsiapa yang memelihara kehormatan Allah, maka Allah akan memelihara kehormatannya. Barangsiapa yang memperbaiki khidmat, maka ianya wajib memperolehi rahmat. Barangsiapa berusaha mencapai tujuan dan cita-citanya, maka ianya akan selalu memperolehi hidayat. Barangsiapa yang membesarkan nikmat Allah bererti bersyukur kepadaNya. Barangsiapa bersyukur kepada Allah, akan memperolehi tambahan nikmat yang dijanjikan Allah swt.

Tariqah Rifa'iyyah

Pengasas Tariqah Rifaiyyah adalah seorang sufi yang bernama Rifa'l, pendiri tariqah ini. Tidak banyak lembaran sejarah yang menulis tentang riwayat hidup As-Syeikh ini. Begitu Ibnu Khalikan tidak banyak menulis tentang sejarah hidupnya. Lebih banyak diutarakan beberapa catatan mengenai hidupnya dalam kitab tarikh Islam karangan Az-Zahabi, dalam Kitab Tanwirul Absar dan juga Qiladatul Jawahir.

Dari sejarah hidupnya, dapat kita ketahui bahwa tatkala ia berumur tujuh tahun, ayahnya meninggalkan Baghdad pada tahun 419H. Lalu ia diasuh oleh bapa saudaranya Mansur Al-Bathaihi yang tinggal di Basrah. Menurut Imam Sya'rani dalam kitabnya Lawaqihul Anwar, bapa saudaranya itu adalah seorang Syeikh tariqah yang kemudian dinamakan menurut nama Ahmad Rifa'iyyah. Ia pernah menuntut juga dari bapa saudaranya yang lain, Abul Fadhl Ali Al-Wasithi mengenai hukum-hukum Islam dalam mazhab Syafie. Ia belajar dengan giat dalam segala bidang ilmu hingga ke umur 27 tahun. Ia mendapat ijazah dari Abul Fadhl dan Khirqah dari Mansur, yang telah menetap di Umm Abidah dan kemudian meninggal di sana pada tahun 540H. Ahmad tidak melepaskan keluarga ini dan banyak bergaul dengan anak-anak Mansur yang kesemuanya ahli tariqah.

Tariqah Rifaiyyah ini yang pada awal-awalnya bermula di Iraq, kemudian tersiar luas ke Basrah, sampai ke Damshiq dan Istanbul di Turki. Cabang-cabangnya yang terdapat di Syria ialah Hariyah, Sa'diyah dan Sayyadiyah. Cabangnya yang terdapat di Mesir pula ialah Baziyah, Malikiyah dan Habibiyyah.

Cabang Sa'diyah di Syria didirikan oleh Sa'duddin Jibawi (wafat 1335H) yang bercabang pula, masing-masing didirikan oleh Abdus Salamiyah dan Abdul Wafaiyah, Hariri cabang di Syria (wafat 1247 H).

Kesimpulan

Keperibadian manusia telah disemai sebagai sebaik-baik penciptaan yang Allah swt mengutamakan atas segala penciptaan yang lain. Kecemerlangan penciptaan yang dinamakan insan ini memerlukan panduan yang sebaik-baiknya baik mengharungi buaian gelora dunia. Tujuannya tiada lain melainkan supaya insan ini akan pulang ke pangkuan Tuhannya dalam keadaan sebaik-baiknya sepertimana keadaannya ketika dalam mula-mula kejadian. Dengan motif mencapai kesempurnaan disisi Allah inilah, ilmu Tasawwuf dan jalan Tariqah, para sufi mengutamakan. Tiada lain melainkan keredhaan Ilahi yang diharapkan, supaya kepulangannya membawa kepada pengucapan salam dari Penciptanya.

Dengan ini kami akhiri pembentangan suatu khazanah Islam yang unggul ini dengan harapan ianya menjadi wasilah bagi mencerminkan segelintir isi kandungan yang terkandung didalam ilmu yang besar ini. Semoga ianya menjadi alat bagi mendatangkan fahaman kepada ajaran Tasawwuf dan Tariqah. Dengannya kami mengharapkan maghfirah dan hasanah dari Sang Pencipta, yang menjadi tujuan atas segala tujuan.

SEJARAH BERDIRINYA PONDOK PESANTREN SURYALAYA

Latar Belakang Berdirinya Pondok Pesantren Suryalaya

Syariat Islam dalam erti luas memiliki tiga dimensi yang serimbang dan sama pentingnya, iaitu **Islam**, **Iman** dan **Ihsan**. Dimensi Islam banyak dibahas dan dikupas dalam buku-buku tentang ilmu fiqih. Dimensi keimanan banyak dikaji dalam disiplin ilmu tauhid dan ilmu kalam, sedangkan dimensi Ihsan banyak diuraikan secara mendalam dalam ilmu akhlak dan tasawuf.

Abdullah Mubarak yang mempunyai semangat mencari ilmu dan riyadhah amaliyah yang kuat, tentu mempelajari syariat Islam dan ketiga dimensinya itu. Namun, dalam perjalanan hidupnya yang makin dewasa, ia makin tertarik untuk mempelajari ilmu tasawuf dan tariqah. Dan bidang tariqahlah yang akhirnya menjadi pilihannya. Tariqah yang ditekuninya adalah Tariqah Qadiriyyah Naqasyabandiyah (TQN). Beliau berguru kepada Syekh Tholhah di desa Kalisapu dan kampung Trusmi Cirebon, dan bertabarruk kepada Syekh Kholil di Bangkalan, Madura. Kedua gurunya itu dikenal sebagai Guru Besar TQN pada zamannya.

Abdullah Mubarak menyadari bahawa ilmunya harus diamankan, kerana ilmu tanpa amal ibarat pohon tanpa buah. Ilmu juga menuntut pemiliknya untuk disebarkan, baik dengan cara ditanya oleh orang lain murid, peminat atau jamaah mahupun dengan cara berdakwah, tabligh, pengajian-pengajian, atau melalui pendidikan.

Untuk itulah, KH. Abdullah Mubarak bin Nur Muhammad yang akrab dipanggil Abah Sepuh berhasrat untuk pertama kalinya menyelenggarakan pengajian yang dimulai sekitar tahun 1890. Hasrat ini dapat dikatakan sebagai perletakan batu dasar bagi pendidikan dan dakwah Islam yang berpandukan ihsan (TQN) di Priangan Timur. Saat itu beliau berusia 54 tahun, dengan penguasaan ilmu agama Islamnya yang cukup matang.

Pengajiannya yang pertama disampaikan di Kampung Tundangan dan diikuti oleh jamaah dan pengikut yang belum banyak sehingga partisipasi masyarakat dalam pengajian pun belum ramai dan kurang berkembang. Mungkin kerana Tundangan kurang strategik dan terpencil sehingga sarana pengangkutan agak sulit, atau kerana adanya kecurigaaan masyarakat setempat terhadap ilmu dan ajaran yang disampaikan oleh KH. Abdullah Mubarak bin Nur Muhammad. Maka untuk sementara waktu beliau beserta keluarganya pindah ke Rancameong. Beliau tinggal di rumah H.Tirta.

Selanjutnya untuk meneruskan perjuangannya, Abah Sepuh pindah ke kampung Cisero. Namun kerana keadaannya hampir sama, kemudian pengajian

itu pindah lagi sekitar tahun 1901 atau 1902, pada waktu beliau berusia 65 dan 66, ke kampung Godebag yang terletak di tepi sungai Citanduy bahagian hulu. Kampung ini termasuk Desa Tanjungkerta Kecamatan Tarikolot yang waktu itu merupakan wilayah administrasi Kabupaten Sumedang. Meskipun sepi di pergunungan yang bersemak-semak dan di hulu sungai, Kampung Godebag dekat dengan jalan hidup iaitu jalur tembus Ciawi-Penumbangan-Panjau, Kawali-Kuningan-Cirebon. Pada tahun 1905, atau tatkala Abah Sepuh berusia 69 tahun, di kampung Godebag inilah, baru didirikan sebuah pondok pesantren dengan nama **Pondok Pesantren Suryalaya**. Pondok pesantren ini merupakan lembaga pendidikan Islam sebagai sarana dan tempat mengaji, mengkaji, dan menyebarkan ajaran Islam dengan berbagai dimensinya khususnya Tariqah Qadiriyyah Naqsyabandiyah.

Modal pertama Pondok Pesantren Suryalaya berupa masjid yang dijadikan tempat mengaji dan mengajarkan TQN. Masjid itu dibangun atas restu Syeikh Tholhah. Gelaran bakal pesantren itu diberi nama "**Patapan Suryalaya Kajembaran Rahmaniah**"; singkatannya "**Suryalaya**". Masjid itu dirasmikan pada tanggal 7 Rajab 1323 H bersamaan 5 September 1905 M. Tarikh tersebut kemudian dijadikan tarikh kelahiran (milad) Pesantren Suryalaya. Meskipun nama Godebag terkait dengan banyak peristiwa penting, sehingga bagi sebahagian orang memberi kesan yang cukup mendalam, namun nama Suryalaya itu selanjutnya lebih dikenal umum dan lebih masyhur.

Masa awal perjalanan Pondok Pesantren Suryalaya sebagai lembaga pendidikan Islam dengan ciri khusus dan keistimewaan pengajian, pengamalan, dan pengembangan TQN tidak berjalan begitu sahaja, kerana adanya salah fahaman dikalangan masyarakat, ditambah kebijakan pemerintah kolonial Belanda yang kurang mendukung berkembangnya tariqah pada umumnya.

Pemerintah kolonial Belanda melihat dan mencatat bahawa Kyai Tariqah termasuk santri dan pesantrennya sebagai pembangkit dan penyebab tumbuhnya kekacauan seperti Perang Banten (1658-1682), Perang Padri (1821-1838), Perang Aceh (1873-1903), Perang Diponegoro (1825-1830) dan Pemberontakan Cilegon-Banten (1888) serta pemberontakan di Kedondong Cirebon (1893).

Atas bukti-bukti tersebut, maka pemerintah penjajahan Belanda awal abad ke-19 dalam melaksanakan strategi menghapuskan tariqah di Indonesia adalah melalui langkah-langkah berikut:

1. Ulama-ulama yang mengajarkan dan mengamalkan tariqah disempit ruangnya untuk bergerak agar masyarakat luas menolak kehadiran mereka, membencinya dan kalau boleh mengusir dari tempat tinggalnya.
2. Memujuk ulama-ulama lainnya yang berbeza fahaman dan kurang pengetahuannya tentang tariqah dan tasawwuf agar secara terus

- menerus menyatakan dan mengumumkan kepada warga masyarakat di lingkungannya bahwa ajaran tariqah adalah ajaran yang apabila mengamalkannya boleh menjadikan seseorang itu tidak normal perilakunya.
3. Melakukan penangkapan terhadap para ulama yang memimpin pesantren atau madrasah apabila ditemukan tanda-tanda atau bukti-bukti bahwa di pesantren itu diajarkan tentang ilmu tariqah. Dalil yang digunakan oleh polisi Belanda untuk penangkapan adalah mempersiapkan pemberontakan melawanan pemerintah kolonial atau meresahkan masyarakat.
 4. Melarang kolonial Belanda di daerah mempelajari terlebih lagi mengamalkan tariqah. Pelanggaran terhadap ini dikenakan balasan yang cukup berat

Berdasarkan hasil penelitian para pakar, strategi Belanda mengikis habis-habisan tariqah di Indonesia ini menunjukkan hasil yang baik, terutama pada akhir abad ke 19. Sebagai buktinya antara lain sebagai berikut:

1. Pelajaran tentang tariqah, terlebih lagi cara-cara pengamalannya semakin lama semakin berkurang bahkan sama sekali dianggap tidak perlu diajarkan, baik di pesantren tradisional terutama di madrasah-madrasah.
2. Para ulama termasuk pelajar tariqah semakin terdesak dan banyak yang menyikirkkan ke pelosok-pelosok yang sangat jauh dari kota-kota besar (yang sekaligus sebagai pusat-pusat pemerintahan kolonial Belanda) untuk menghindari penangkapan semata-mata.
3. Pada awal abad 20, masyarakat awam yang sebahagian besar umat Islam sudah banyak yang buta terhadap tariqah dan tasawwuf, sebahagian sudah tidak peduli, bahkan banyak yang membenci dan menyalahkannya.

SEJARAH DATANGNYA TARIQAH QADIRIYAH NAQSYABANDIYAH DI PONDOK PESANTREN SURYALAYA

Tariqah Qadariyyah Naqsyabandiyyah singkatan TQN secara menyeluruh merupakan intisari seluruh ajaran Islam (*Islam Kâffah*); dalam segala aspek kehidupan. Dan tujuan TQN adalah tujuan Islam itu sendiri.

Menurut sumber utamanya, Al-Quran, Islam sebagai agama diturunkan untuk membawa umat manusia ke jalan yang lurus, jalan keselamatan yang

bertujuan mencapai kesejahteraan di dunia dan kebahagiaan di akhirat (*hasanah fi al-dunya* dan *hasanah fi al-akhirat*).

Dalam tradisi tariqah, tujuan TQN dilukiskan secara jelas dalam doa yang diucapkan setiap orang yang hendak melakukan amalan yang paling penting, iaitu **Zikrullah**. Doa dimaksudkan ialah sebagai berikut:

“Tuhanku, Engkaulah yang menjadi tujuanku, dan keridhaanMulah yang aku cari, berikanlah kepadaku kemampuan mencintaiMu dan makrifah kepadaMu”

Dalam doa awal zikrullah, sebagaimana tertulis di atas, terkandung intisari ajaran Islam secara dasar bahawa Allahlah yang menjadi maksud dan tujuan akhir hidup manusia. Doktrin teologi Islam dijelaskan bahawa manusia pada awal kejediannya berasal dari Allah, kini sedang berada di bumi Allah dan akhirnya akan kembali kepada Allah. Semua manusia akan kembali kepada Allah, tetapi apakah ia akan kembali kepada redha Allah, atau kepada azab Allah. Dalam doa tersebut selanjutnya dijelaskan bahawa keredhaan Allahlah (*mardhtillah*) yang hendak dicari. Dalam pelaksanaannya, keredhaan Allah hanya dapat dicari dengan *taqarrub*. Taqarrub kepada Allah ertinya mendekatkan diri kepada Allah melalui zikrullah, baik zikrullah dalam erti umum mahupun dalam erti khusus.

Adapun yang termasuk zikrullah yang disebut pertama; misalnya solat, zakat, puasa, haji, membaca Al-Quran, atau berbagai aktiviti manusia yang dasarnya tauhidullah, berdasarkan kepada redha Allah, dan dilakukan secara ikhlas kerana Allah. Sedangkan yang dimaksud zikrullah dalam erti khusus adalah mengucapkan ***Kalimah Tayyibah*** secara zahir dan batin, dengan penuh penghayatan, ***Tadharru’*** dan ***Khusyu’*** di bawah bimbingan seorang mursyid melalui talqin. Ini dapat dilakukan secara perseorangan (munfarid) ataupun secara berjamaah; diucapkan secara ***Jahr*** atau ***Khafi***, dengan tujuan berada sedekat mungkin di sisi Allah. Nabi Saw bersabda:

“Jadilah kamu bersama Allah. Jika tidak, beradalah bersama orang yang bersama Allah.”

1. Dalam upaya menggapai maksud yang begitu luhur tadi, iaitu keredhaan Allah, seorang “salik” hendaklah berdoa dengan doa sebagai terlukis dalam awal ibadah zikir tadi ***“Berilah aku kemampuan, ya Allah, untuk mencintaiMu dan makrifah kepadaMu.*** Sebab tanpa hidayah dan pertolongan Allah, mustahil seseorang mempunyai kemampuan untuk bertaqarrub kepadaNya, lebih-lebih untuk dapat sampai kepada keredhaanNya.

TQN, sebagai ajaran, bukanlah sesuatu yang baru. Ia adalah ajaran yang kemunculannya seiring dengan kemunculan Islam itu sendiri, yaitu "Tauhîdullâh", mengesakan Allah. Doktrin ini kemudian ditanamkan oleh Mursyid Al-Awwal, yaitu Nabi Muhammad Saw, di dalam hati setiap sahabat, lalu dihayati, dirasakan dan buahnya dibuktikan dalam pelaksanaan kehidupan kesehariannya secara seimbang. Dalam istilah tasawuf, orang yang mampu menerapkan tauhidullah dalam kehidupannya secara seimbang disebut Insan Kamil (Manusia Sempurna).

Secara organisasi, TQN dapat dipandang sebagai sesuatu yang baru, kerana dalam istilah, ini TQN bererti kumpulan orang-orang yang melestarikan dan mengamalkan ajaran guru mursyidnya; dalam hal ini adalah Sultan Al-Auliya Syekh Abdul Qadir Al-Jailani *qaddasa Allahu 'annahu* dan Syekh Bahaudin Al-Naqsabandi, dalam segala aspek kehidupannya. Secara teosofi, TQN bererti gabungan inti ajaran tasawuf, antara Tariqah Qadariyyah dan Naqsyabandiyyah. Tokoh yang telah berjasa menggabungkan inti ajaran kedua tariqah tersebut adalah seorang sufi besar tanah haram, Syekh Ahmad Khatib Ibnu Abdil Gafar Al-Sambasi Al-Jawi, yang wafat di Makkah pada tahun 1878 M. Beliau adalah seorang ulama besar asal Indonesia yang tinggal sampai akhir hayatnya di Makkah.

Ajaran TQN dibawa ke Indonesia, antara lain oleh tiga orang khalifah Ahmad Khatib Sambas sendiri, iitu Syeih Abdul Karim Al-Bantani, Syekh Tholhah Al-Cireboni, dan Syekh Al-Hasbu Al-Maduri. Adapun KH.A. Sohibul Wafa Tajul Arifin mengambil tariqah dari ayahnya, Syekh Abdullah Mubarak bin Nur Muhammad, dari Syekh Tolhah Cirebon. Sedangkan Syekh Tolhah secara langsung mengambil tariqah ini dari Ahmad Khatib Sambas.

Secara skema, sanad dan silsilah TQN dapat dilihat dalam rajah berikut:

1. Allah
2. Jibril Alaihissalam
3. Muhammad Saw

QADIRIYYAH		NAQSYABANDIYYAH	
4.	Ali bin Abu Thalib	4.	Abu Bakar Siddiq ra.
5.	Husain Ibn 'Ali	5.	Salman Al-Farisi
6.	Zainal Abidin	6.	Qasim Ibnu Muhd Ibn Abu Bakar
7.	Muhammad Baqir	7.	Imam Ja'far Al-Sadiq
8.	Ja'far Al-Sadiq	8.	Abu Yazid al-Bustam
9.	Musa Al-Kazhim	9.	Abu Hasan Kharqani
10.	Ali Ibnu Musa al-Ridha	10.	Abu Ali Al-Farmadi
11.	Ma'ruf al-Kurkhi	11.	Syekh Yusuf Al-Hamdani
12.	Sirri Al-Saqati	12.	Abdul Khaliq Al-Gazdawi

- | | | | |
|-----|--|-----|-------------------------------|
| 13. | Abu Al-Kasim Junaid Al-Baghdadi | 13. | Arif Riya Qari |
| 14. | Abu Bakar Al-Sibli | 14. | Muhammad Anjari |
| 15. | Abdul Wahid Al-Tamimi | 15. | Ali Ramli Tamimi |
| 16. | Abu Al-Farraj Al-Turtusi | 16. | M. Baba Sammasi |
| 17. | Abdul Hasan Ali Al-Karakhi | 17. | Amir Kulaili |
| 18. | Abu Sa'id Mubarak Al-Majzumi | 18. | Bahauddin Al-Naqsabandi |
| 19. | Syekh Abdul Kadir Al-Jailani | 19. | M. Alauddin al-Tari |
| 20. | Abdul Aziz | 20. | Ya'qub Jareki |
| 21. | M. Mattaq | 21. | Ubaidillah Ahrari |
| 22. | Syamsuddin | 22. | M. Zahidi |
| 23. | Syarifuddin | 23. | Darwisi Muhammad Baqibillah |
| 24. | Nuruddin | 24. | A. Faruqi Al-Sirhindi |
| 25. | Waliyuddin | 25. | Al-Maksum al-Sirhindi |
| 26. | Hisyamuddin | 26. | Saifuddin Afif Muhammad |
| 27. | Yahya | 27. | Nur Muhammad Badawi |
| 28. | Abu Bakar | 28. | Syamsuddin Habibullah Janjani |
| 29. | Abdul Rahim | 29. | Abdullah Al-Dahlawi |
| 30. | Usman | 30. | Abu Said Al-Ahmadi |
| 31. | Abdul Farrah | 31. | Ahmad Said |
| 32. | Muhammad Murad | 32. | M. Jan Al-Makki |
| 33. | Syamsuddin | 33. | Khalid Hilmi |
| 34. | A. Khatib Al-Sambasi | | |
| 35. | Syekh Tolhah Cirebon | | |
| 36. | Abdullah Mubarak Bin Nur Muhammad (Abah Sepuh) | | |
| 37. | KHA Shohibul Wafa Tajul Arifin (Abah Anom) | | |

Dengan melihat silsilah TQN di atas, jelaslah kepada kita bahawa Abah Anom adalah salah seorang sanad TQN dan sekaligus sebagai seorang mursyid dalam tariqah tersebut. Beliau mendapatkan *hirqah* dari ayahnya sendiri, Syekh Abdullah Mubarak bin Nur Muhammad, pendiri Pondok Pesantren Suryalaya. Sementara Abah Anom, selain sebagai penerus pimpinan spiritual TQN, dalam pesantren juga merupakan penerus, pengembang, dan Pondok Pesantren Suryalaya sejak ayahandanya masih ada hingga sekarang.

Dilihat dari segi ajaran, baik Abah Sepuh mahupun Abah anom sama-sama meneruskan dan mengembangkan TQN dengan salah satu wahana pengembangannya adalah Pondok Pesantren Suryalaya. Betapa besar peranan Pondok Pesantren Suryalaya dalam melestarikan dan

mengembangkan ajaran TQN, sehingga dinisbahkan istilah TQN, kepada Pondok Pesantren Suryalaya. Dengan demikian, terkenallah, dalam tradisi tariqah mu'tabarrah, sebutan TQN Pondok Pesantren Suryalaya.

TQN yang dikembangkan di Pondok Pesantren Suryalaya memiliki kekhususan, terbuka dan dikemas sedemikian rupa, sehingga mudah difahami oleh orang awam, diikuti dan diamalkan oleh orang awam dan dapat dicerna dan diamalkan oleh semua kalangan.

Tariqah adalah jalan untuk menuju kepada Tuhan. Secara terminologi, tariqah adalah jalan yang harus ditempuh oleh seorang mursyid dengan cara menyucikan rohaninya. Orang yang menempuh jalan tersebut dinamakan sufi.

Seperti yang telah dijelaskan, dilihat dari segi ajaran, Abah Anom adalah penerus TQN kerana beliau pada tahun 1956, mendapat *hirqah* dari Abah Sepuh untuk melestarikan dan menyebarkan TQN di muka bumi. Dalam tahun yang sama, beliau juga diberi mandat oleh Abah Sepuh untuk memimpin dan melaksanakan tugas-tugas Pondok Pesantren Suryalaya. Abah Sepuh sendiri kerana menimbangkan kesehatan dan keamanan yang tidak stabil pada saat itu dipindahkan ke Tasikmalaya. Dua tahun setelah itu, tepatnya tahun 1956 Abah Sepuh meninggal dunia. Maka dengan sendirinya kepemimpinan spiritual dan pesantren berpindah tangan secara mutlak kepada Abah Anom.

Abah Anom menjadikan pesantren secara optimal sebagai sarana utama untuk mengajarkan dan menyebarkan TQN, dengan tidak mengabaikan fungsi-fungsi pesantren lainnya iaitu sebagai tempat pendidikan dan pengembangan ilmu-ilmu keislaman. Dalam perkembangan selanjutnya, seiring dengan kemajuan zaman, beliau cuba membuka lembaga-lembaga pendidikan formal di pesantren dalam upaya menyatukan ilmu-ilmu sekuler dengan ilmu-ilmu keislaman. Lembaga pendidikan formal utama yang mendirikan Abah adalah Madrasah Diniyah Awaliyah yang mengacu kepada kurikulum DEPAG, didirikan pada tahun 1957.

Beliau sudah menyangka bagaimana seharusnya Pesantren Suryalaya di masa depan. Pesantren harus berfungsi sebagai pusat pengajaran TQN dan tempat pendidikan dan pengembangan ilmu-ilmu keislaman sekaligus mengiringkan ilmu-ilmu keislaman dengan ilmu-ilmu duniawi. Dengan demikian, pesantren harus memiliki lembaga-lembaga pendidikan formal yang diiktiraf yang memiliki kepastian hukum. Dalam rangka itulah, pada tahun 1961, dibantu antara lain oleh H. Sewaka (alm) mantan Gubernur Jawa Barat (1947-1952), beliau mendirikan Yayasan Pesantren Suryalaya dengan nama Yayasan Serba Bakti Pondok Pesantren Suryalaya.

TUJUAN TARIQAH QADIRIYYAH NAQSYABANDIYYAH

Setidaknya ada empat ajaran pokok dalam TQN, yaitu

- Kesempurnaan suluk
- Adab murid terhadap mursyid
- Zikrullah
- Muraqabah.

Tetapi inti ajaran TQN adalah *Muraqabah* artinya mendekatkan diri kepada Allah dengan ajaran berbagai amalan dan *Riyadhah*; yang paling prinsip adalah dengan cara berzikir, sebagaimana sabda Imam Ali:

“Cara terbaik dan tercepat untuk sampai kepada Allah adalah zikrullah.”

Zikir dalam TQN dilakukan setelah melaksanakan ibadah wajibah. Ibadah wajibah merupakan penjabaran syari’ah, sedangkan zikir merupakan pengamalan aspek batin dari syari’ah, yang dalam istilah tasawuf disebut tariqah. Syari’ah dan tariqah keduanya diamalkan secara seimbang dalam upaya mencari hakikat.

Ketika para sahabat bertanya kepada Abdullah bin Abbas mengenai interpretasi firman Allah: ***“Zikirlah kamu sekalian kepada-Ku; nanti Aku pun ingat kepadamu”***, ia menjawab: ***“Zikirlah kamu sekalian kepadaKu dengan jalan taat kepadaKu; nanti Aku ingat kepadamu dengan pertolonganku”***. Senada dengan pertanyaan di atas, Sa’id bin Jubair mengatakan: ***“Ingatlah kepadaKu dengan cara taat kepadaKu; Akupun ingat kepadamu dengan ampunanKu”***. Sementara sebahagian sahabat berpendapat: ***“Zikirlah kalian kepadaKu sewaktu mendapat nikmat dan kebahagiaan, niscaya Aku ingat kepadamu ketika kamu dalam kesulitan dan cubaan”***.

ZIKRULLAH DALAM TARIQAH QADIRIYYAH NAQSYABANDIYYAH

Banyak ayat Al-Quran yang menguatkan kedudukan zikir; bahwa zikir merupakan perkara yang paling besar. *Allah berfirman:*

“Sesungguhnya solat harus dapat mencegah dari perbuatan jahat dan munkar, dan sesungguhnya zikir kepada Allah lebih besar dan Allah amat mengetahui apa yang kamu perbuat:”. (Al-Ankabut: 45)

Menurut orang-orang yang ma’rifat, paling tidak ada empat prinsip tentang interpretasi ayat di atas.

1. Sesungguhnya zikir kepada Allah lebih besar daripada segala sesuatu. Ia adalah ketaatan yang paling utama; dan yang dimaksud taat di sini adalah menegakkan zikir kepada Allah, sedangkan zikir adalah rahsia ketaatan dan daya ketaatan itu sendiri.
2. Sesungguhnya kamu sekalian, kaum muslimin, jika ingat kepadanya, maka Allah pun ingat kepadamu; sedangkan zikir Allah kepadamu lebih besar daripada zikir kamu kepadanya”.
3. Sesungguhnya zikir kepada Allah lebih besar daripada tetapnya “fakhisyah” dan “kemunkaran”. Bahkan jika zikir dibaca secara sempurna, ia akan dapat menghilangkan segala kesalahan dan maksiat.
4. Sesungguhnya amal saleh, apabila ingin diterima oleh Allah, harus diakhiri dengan zikir dan pujian.

Taqarrub kepada Allah merupakan inti ajaran tasawuf (TQN) dengan cara mensucikan jiwa (tasfiyat al-qulub). Dengan hati yang suci seorang salik mungkin dapat melihat Tuhannya.

TQN membawa manusia kepada Tuhan, dan secara horizontal memberikan rambu-rambu dan prinsip-prinsip bagaimana seharusnya hidup secara bersama dalam masyarakat. Tanbih mengandung ajaran moral, menyangkut pelbagai kehidupan. Pandangan TQN menyangkut dengan Negara, misalnya, dapat dilihat dalam huraian Tanbih sebagai berikut:

“Pun kami tempat bertanya tentang Tariqah Qadiriyyah wa Naqsabandiyyah, menghaturkan dengan tulus ikhlas, wasiat kepada segenap murid-murid; berhati-hatilah dalam segala hal, jangan sampai berbuat yang bertentangan dengan peraturan Agama maupun Negara. Insapilah , wahai murid-murid sekalian, janganlah terpaut oleh bujukan nafsu, terpengaruh oleh godaan syaitan, waspadailah akan jalan penyelewengan terhadap perintah Agama maupun Negara, agar dapat meneliti diri kalau tertarik oleh bisikan Iblis yang selalu menyelinap dalam hati sanubari kita”.

Pandangan TQN mengenai hubungan kemasyarakatan, baik dengan sesama muslim mahupun dengan yang bukan muslim, dapat dilihat dalam bagian huraian Tanbih berikut:

1. Terhadap orang-orang yang lebih tinggi dari kita, baik zahir mahupun batin, harus kita hormati, begitulah seharusnya hidup rukun saling harga menghargai.
2. Terhadap sesama yang sederajat dengan kita dalam segala-galanya jangan sampai jadi persengketaan, sebaliknya harus bersikap rendah hati, bergotong- royong dalam melaksanakan perintah Agama maupun Negara, jangan sampai terjadi perselisihan dan persengketaan, kalau-kalau kita terkena firmanNya “Adzabun Alim” yang ertinya duka nestapa untuk selama-lamanya dari dunia hingga akhirat;
3. Terhadap orang-orang yang keadaannya di bawah kita, janganlah menghina atau berbuat tidak senonoh bersikap angkuh, sebaliknya harus bersikap belas kasihan dengan kesadaran, agar mereka merasa senang dan gembira hatinya harus dituntun dan dibimbing dengan nasihat yang lemah lembut yang akan memberi keinsafan dalam menginjak jalan kebajikan;
4. Terhadap fakir miskin, harus kasih sayang, ramah tamah serta bermanis budi, bersikap murah tangan, mencerminkan bahawa kita sadar. Cuba rasakan diri kita peribadi, betapa pedihnya jika dalam keadaan kekurangan. Oleh kerana itu janganlah acuh tak acuh, hanya diri sendirilah yang senang, kerana mereka menjadi fakir miskin bukannya kehendak dirinya sendiri, namun itulah kudrat Tuhan.

Demikianlah sesungguhnya sikap manusia yang penuh kesadaran meskipun terhadap orang asing kerana mereka itu masih keturunan Nabi Adam as. Mengingat ayat 70 surat Isra yang ertinya:

“Sangat Kami muliakan keturunan Nabi Adam dan Kami sebarkan segala yang berada di darat dan di lautan, juga Kami mengutamakan mereka lebih utama dari makhluk lainnya”.

Kesimpulan dari ayat ini bahawa kita sekalian seharusnya saling harga menghargai, jangan timbul kekecewaan, mengingat surat Al-Maidah yang ertinya:

“Hendaklah tolong menolong sesama dalam melaksanakan kebajikan dan ketakwaan sungguh-sungguh terhadap Agama maupun Negara, sebaliknya jangan tolong menolong dalam berbuat dosa dan bermusuhan terhadap perintah Agama maupun Negara”.

Keempat intisari tanbih di atas menjelaskan kepada kita bagaimana model ideal interaksi antara kita dengan orang yang lebih tinggi dari kita, dengan sesama, dalam erti yang sedarjat dalam segalanya, dengan orang yang ada di bawah kita dan dengan fakir miskin. Tanbih menjelaskan bahwa kedamaian zahir batin akan terwujud di tengah-tengah masyarakat manakala masing-masing individu berpegang teguh terhadap etika sosial:

“Bukanlah dari golonganku orang yang tidak kasih sayang kepada yang ada dibawahnya, dan tidak menaruh hormat kepada orang yang ada di atasnya”.

Lebih dari itu, Tanbih juga memuat ajaran bagaimana seharusnya sikap kita dalam kehidupan sosial kemasyarakatan dengan orang asing, baik yang se agama dengan kita mahupun yang tidak seagama. Kita harus tetap saling hormat menghormati. Menyangkut hubungan dengan mereka yang bukan muslim, lebih jelas lagi, Tanbih menegaskan seperti berikut:

“Adapun soal keagamaan, itu terserah agamanya masing-masing, mengingat surat Al-Kafirun ayat 6: “Agamamu untuk kamu, agamaku untuk aku”. Maksudnya jangan terjadi perselisihan, wajiblah kita hidup rukun dan damai, saling harga menghargai, tetapi jangan-lah ikut campur”.

Tanbih menggariskan adanya toleransi beragama, sejauh tidak melanggar etika teologis. Jangan kerana toleransi, keyakinan dikorbankan. Oleh kerana itu, dalam urusan agama janganlah kita ikut-ikutan, tetapi dalam kehidupan sosial kemasyarakatan, ekonomi maupun politik, kita menyatu secara damai dan toleran.

Selanjutnya Tanbih menjelaskan,

“Cubalah renungkan pepatah leluhur kita: ‘Hendaklah kita bersikap budiman, tertib dan damai, andaikan tidak demikian, pasti ‘Sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tak berguna’. Kerana yang menyebabkan penderitaan diri peribadi itu adalah akibat dari perbuatan diri sendiri”.

Pernyataan Tanbih di atas, di samping mengandung ajaran moral dan akhlak, mengandung pula ajaran teologi. Ketika seseorang dituntut untuk bersikap dan berperilaku terhadap fakir miskin, maka ia harus bersikap jabbariyah. Akan tetapi, ketika melihat kenyataan kehancuran sekelompok manusia yang tidak bersyukur, ada tuntutan untuk bersikap qadariyah. Kehancuran dan kehinaan manusia kerana perbuatannya sendiri, bukan kehendak Allah.

Bahagian akhir Tanbih menyatakan:

“Oleh kerana demikian, hendaklah segenap murid-murid bertindak teliti dalam segala jalan yang ditempuh, guna kebaikan zahir batin dunia maupun akhirat, supaya hati tenteram, jasad nyaman, jangan sekali-kali timbul persengketaan, tidak lain tujuannya: Budi Utama Jasmani Sempurna (Cageur bageur). Tidak lain amalan kita, Tariqah Qadiriyyah Naqsyabandiyyah, amakan sebaik-baiknya guna mencapai segala kebajikan, menjauhi segala kejahatan zahir batin yang bertalian dengan jasmani maupun rohani, yang selalu diselimuti bujukan nafsu, digoda oleh perdaya syaitan”.

Kebahagiaan zahir batin, khususnya para ikhwan TQN, adalah mengamalkan ajaran TQN secara sungguh-sungguh. Inti ajarannya adalah Zikir. Segala amalan yang telah baku di lingkungan TQN yang sifatnya nafilah disebut Zikir. Kumpulan zikir-zikir yang dibaca setiap kali Khataman telah dituangkan oleh Mursyid kita dalam sebuah risalah yang diberi nama *Uqûd Al-Juman*.

ASAL-USUL TARIQAH QADIRIYYAH NAQSYABANDIYYAH DAN PERKEMBANGANNYA

TARIQAH QADIRIYYAH

Nama lengkap pengasasnya ialah Syeikh Abd Al-Qadr Al-Jailani adalah Muhy al-Din Abu Muhammad Abd al-Qadir ibn Abi Zangi Dost al-Jaylani. Dilahirkan di Jilan pada tahun 470 H.(1077M.) dan meninggal di Baghdad pada tahun 561 H. (1166 M.)

Menurut Syekh Al-Tadafy dalam kitabnya *Qalaid al-Jawahir*, nama lengkap Al-Jaylani adalah Muhy al-Din Abu Muhammad Abd al-Qadir ibn Abi Shalih Zangi Dost Musa ibn Abi Abdillah ibn Yahya al-Zahid Muhammad ibn Daud ibn Musa ibn Abdillah ibn Musa al-Jun ibn Abd al-Muhsin ibn al-Hassan al-Mutsanna ibn Muhammad al- Hassan ibn Ali ibn Abi Thalib (r.a). Silsilah ini mengantarkan kita pada suatu kesimpulan bahwa Syekh Abd al-Qadir al-Jaylani adalah keturunan Nabi Muhammad saw. Lewat puteri beliau Fathimah istri ‘Ali ibn Abi Thalib. Akan tetapi , kesimpulan ini yang juga dikemukakan oleh banyak penulis biografi al-Jailani lainnya, diragukan oleh penulis *Shorter Encyclopaedia of Islam* dengan beberapa alasan. Alasan itu antara lain : bahwa dia dikenal di Baghdad dengan sebutan “Al-Ajamy (orang Persi) dan ayahnya sendiri

mempunyai nama Arab (Zangi Dost). Namun , pendapat mana pun yang benar , kebesaran Syekh Abd al-Qadir Jailani, seorang ulama yang alim di bidang fiqh dan ushul fiqh mazhab Hanbali dan seorang sufi besar, adalah peletak dasar tarekat Qadiriyyah dapat diakui semua orang.

Dalam usia 18 tahun Abd al-Qadir meninggalkan tempat kelahirannya menuju Baghdad untuk menuntut ilmu pengetahuan .Pada tahun 488H (1095 M) dia tiba di Baghdad. Kerana tidak diterima belajar di Madrasah Nizhamiyah Baghdad, yang waktu itu dipimpin oleh seorang sufi besar Ahmad al-Ghazali, yang menggantikan saudaranya Abu Hamid Al-Gazali, dia mengikuti semacam kursus fiqh Mazhab Hanbali yang dipimpin oleh Abu Sa'id al-Mukharrimi, sampai mendapat ijazah dari gurunya tersebut. Sejak tahun 521 H (1127 m) dia mengajar dan berfatwa dalam mazhab tersebut kepada masyarakat sampai akhir hayatnya.

Di bidang tasawuf, pertama kali dia berguru dengan Abu al-Khair Muhammad ibn Muslim al-Dabbas (W.525H/1131M), Kehadirannya di sini cukup memuakkan kerana sikap murid-muridnya yang tidak bersahabat terhadap dirinya yang merupakan pengikut mazhab Hanbali. Sesudah mengikuti pengajaran tasawuf dengan guru tersebut, dia lalu menghabiskan 25 tahun dari usianya sebagai seorang pengembara sufi di Padang Pasir Iraq. Memang , sejak tahun 488H (1095M), waktu dia mulai berada di kota Baghdad, sampai tahun 521H (1127M), waktu dia mulai terkenal sebagai seorang ulama besar Mazhab Hanbali di kota yang sama, ada masa usia yang kurang dikenal pergerakannya.

Mungkin masa itu digunakannya untuk mengembara sebagai seorang sufi yang fakir di Padang Pasir Iraq, sebagaimana tekah dikemukakan, atau juga dia gunakan untuk perjalanan ibadah haji ke Tanah Suci dan menjalani hidup berkeluarga sebagaimana dikemukakan oleh penulis *Shorter Encyclopedia of Islam*.

Yang jelas sejak tahun 521H, dia merima ijazah dari gurunya dalam fiqh mazhab Hanbali untuk mengajar dan berceramah. Selain itu, dia mendapat restu pula dari seorang sufi bernama Abu Yusuf al-Hamadany(440-535H / 1048-1140 M). Pada tahun 528H baginya dibangunkan orang sebuah madrasah (sekolah) bersama sebuah *ribath* (tempat latihan para sufi) di Baghdad yang dijadikan sebagai tempat tinggal bersama keluarganya yang besar dan sekaligus tempat mengajar murid-muridnya yang juga tinggal bersamanya. Namun, dalam hal ini statusnya masih lebih menampakkan ketokohnya sebagai seorang alim di bidang fiqh mazhab Hanbali daripada sebagai soerang sufi. Setiap minggu tiga kali dia berbicara kepada murid-muridnya. Dua kali di madrasah (sekolah), iaitu Jumaat pagi dan Selasa petang ; satu kali di *ribath* iaitu Ahad pagi.

Di belakang hari , banyak di antara muridnya yang terkenal sebagai para wali yang dihormati.

Syekh Abd-Qadir al-Jaylani meninggalkan beratus-ratus khutbah yang berisi ajarannya tentang agama, dan tasawuf khususnya. Ada beberapa kitab yang merupakan kumpulan khutbah tersebut antara lain:

1. ***Al-Fathhal-Rabbany***, berisi 62 khotbah yang disampaikan dalam tahun 545-546 H. (1150-1152 M)
2. ***Futuh al-Ghayb***, berisi 78 buah khutbah tentang berbagai masalah agama, yang dikumpulkan oleh anaknya, Syekh Abd al-Razzaq.

Selain itu, dia juga meninggalkan beberapa kumpulan zikir dan wirid, antara lain :

1. ***Al-Fuyudhat al-Rabbaniyyah fi al-Aurad al-Qadiriyyah***
2. ***Hizb Bash'ir al-Khayrat***.

Kebanyakan khutbanya mengacu kepada karyanya berjudul: Al-Ghunya li Thalibi Thariqi al-Haqq, yaitu risalahnya yang berisi uraian tentang ibadah dan akhlak. Dari berbagai karyanya, tidak diragukan lagi bahwa Al-Jaylani adalah seorang ahli kalam, seorang mujtahid dalam fiqh dan seorang orator yang pandai.

Syekh Abd al-Qadir al-Jaylani adalah seorang yang keras berpegang pada kebenaran dan perjuangannya. Dia tidak takut memberi nasihat kepada para penguasa, kepada Khalifah sekali pun. Pada waktu Khalifah Al-Muqtafili Amr Allah mengangkat Ibn al-Muzahim sebagai hakim, padahal dia dikenal sebagai seorang yang zalim, Al-Jaylani pun naik mimbar dan berkhotbah antara lain :

"Wahai Amir al-Mu'iminin, tuan angkat seorang yang terkenal paling zalim menjadi qadhi bagi kaum muslimin. Apakah jawab tuan nanti bila ditanya hal itu oleh Tuhan sekalian alam, Yang Maha Penyanyang?" Pada saat itu Khalifah pun gementar dan menangis mendengar khutbah tersebut. Qadhi yang diangkatnya pun lalu dipecat dari jabatannya.

Abd al-Qadir al-Jaylani selalu menyeru murid-muridnya agar bekerja keras untuk kehidupan. Dia menegaskan bahwa tariqah tidak berarti membelakangi kehidupan. Katanya,

"Sembahlah olehmu Allah Azza wa Jalla. Mintalah pertolongan untuk memperkuat ibadah kepadaNya dengan kerja yang halal. Sesungguhnya Allah mencintai seorang hamba yang mukmin, taat, dan memakan yang halal dari hasil kerjanya. Dia mencintai orang yang makan dan bekerja, dan membenci orang yang makan

saja tanpa bekerja, serta membenci pula orang yang nafkah hidupnya bergantung kepada masyarakat.”

Al-Jaylani juga mengingatkan kepada para pengikut tariqah agar tetap berpegang pada Sunnah Rasulullah dan Syari'at agama Islam. Dia juga mengingatkan bahawa syaitan banyak sekali menyesatkan ahli tariqah dengan cara menggodanya agar meninggalkan syari'at kerana sudah melaksanakan tariqahnya.

Dengan kealiman dan kepribadiannya itu, wajarlah kalau Syekh Abd al-Qadir al-Jaylani banyak mendapat pujian dari pelbagai pihak. Misalnya dari Ibn 'Arabi (W. 1240 M.), penulis kitab *Al-Futuhat al-Makkiyyah*, yang menganggap Syekh Abd al-Qadir sebagai seorang yang pantas menjadi wali "quthub" pada masanya. Ibn Taymiyyah (W. 728 H.), seorang mujtahid dalam mazhab Hanbali, yang sering menyerang para sufi dan tasawuf, juga ikut memujinya. Abu al-Hasan al-Nadwi menulis dalam kitabnya *Al-Imam 'Abd al-Qadir al-Jaylani* tentang kepribadian pendiri Tariqah Qadiriyyah ini sebagai berikut:

“Abd al-Qadir al-Jaylani telah menyaksikan apa yang telah menimpa kehidupan umat Islam pada masanya. Mereka hidup berpecah belah dan saling bermusuhan. Cinta dunia telah mendominasi mereka di samping berebut kehormatan di sisi raja dan sulthan. Manusia sudah berpaling kepada materi, jabatan, dan kekuasaan. Mereka berkeliling di sekitar penguasa dan pemerintahan. Syekh Abd al-Qadir al-Jaylani hidup di tengah-tengah mereka. Tetapi menjauhkan diri dari semua itu dengan fisik dan mentalnya. Dia berbalik menghadapinya dengan nasihat bimbingan, dakwah dan pendidikan untuk memperbaiki jiwa kaum muslimin dan membersihkannya. Untuk memerangi kemunafikan dan kecintaan kepada dunia, dengan cara menanamkan jiwa agama, menguatkan akidah yang benar terhadap hari akhirat dan menghindari dari tipu daya dunia.”

Syekh Abd al-Qadir al-Jaylani tetap memimpin madrasah dan *ribath* di Baghdad yang didirikan sejak tahun 521 H. sampai wafatnya pada tahun 561 H. Setelah dia wafat, madrasah dipimpin oleh anaknya bernama Abd al-Wahab (552-593 H./1151-1196 M.), yang kemudian dilanjutkan pula oleh anaknya bernama 'Abd al-Salam (W. 611 H./1214 M.). Sedangkan seorang anaknya yang lain bernama 'Abd al-Razzaq (528-603 H./1134-1206 M.) adalah seorang sufi yang zahid dan terkemuka pada masanya. Madrasah dan *ribath* tersebut tetap bertahan dalam pimpinan keluarga Syekh Abd al-Qadir sampai hancur leburnya kota Baghdad pada tahun 656 H. (1258 M.) kerana serangan tentara Mongol di bawah pimpinan Hulagu Khan, yang mengakibatkan sebahagian besar keluarga Abd al-Qadir musnah, dan sekaligus mengakhiri eksistensi keduanya.

Meskipun demikian, ajaran-ajaran Syekh Abd al-Qadir al-Jailani yang diberikan dalam *ribath* yang dipimpinnya dan diteruskan oleh anak-anaknya tetap hidup dalam *zawiyah-zawiyah*, tempat para sufi melatih diri dalam kehidupannya. Ibnu Bathuthah, pengelana muslim di Dunia Islam abad ke-13 M., mencatat bahawa di Baghdad pada waktu itu terdapat *zawiyah* sufi yang mempraktekkan ajaran-ajaran al-Jailani dalam *ribath* yang dipimpinnya pada abad sebelumnya. Dari *zawiyah-zawiyah* inilah lambat laun terbentuk suatu masyarakat muslim penganut ajaran Syekh Abd al-Qadir di bidang tasawuf, yang kemudian dikenal Tariqah Qadiriyyah.

Syekh Abd al-Qadir al-Jailani menentukan bagi setiap orang yang baru memasuki tariqahnya agar beritikad dengan akidah yang benar. Iaitu kaedah para pendahulu (*salaf*) yang salih, akidah *ahlusunnah* terdahulu yang diikuti oleh para sahabat dan tabi'in. Juga harus berpegang teguh dan mengamalkan Alquran dan sunah Rasulullah dengan sungguh-sungguh sehingga memperoleh petunjuk dan bimbingan dalam menapaki jalan (*thariq*) yang menyampaikan ke hadirat Allah swt. Selain itu, al-Jailani juga menambahkan agar "pemula" (*mubtadi*) bersikap dengan berbagai sifat, seperti bersih hati, jernih muka, memberi kebajikan, menyingkirkan kejahatan, faqir, memelihara kehormatan para syekh, bergaul baik sesama ikhwan, memberi nasihat kepada orang kecil dan orang besar, meninggalkan permusuhan, dan memberi bantuan dalam masalah agama dan dunia.

Ada dua tahap yang harus dilalui oleh setiap pengikut Tariqah Qadiriyyah, yaitu tahap permulaan dan tahap perjalanan.

Tahap Permulaan

Tahapan ini dapat dilalui dalam waktu singkat, hanya sekitar setengah jam, bila upacara berjalan lancar. Secara kronologi tahapan ini berlaku sebagai berikut:

1. Pertemuan pertama antara guru (syekh) dan murid.

Sebelum dimulai, calon murid mengerjakan solat dua rakaat (*sunnat muthlaq*) lebih dahulu, dan diteruskan dengan membaca surat Al-Fatihah yang dihadiahkan kepada Nabi Muhammad saw. dan saudara-saudara beliau di kalangan para nabi dan rasul a.s.

Setelah itu, si murid duduk menghadap guru bersila di mana lututnya yang kanan berpegangan dengan tangan kanan guru. Murid diminta guru mengucapkan *istighfar* dengan lafaz tertentu. Lalu guru mengajarkan lafaz zikir dengan kalimat "**La ilaha illa Allah**" tiga kali kepada murid yang harus memejamkan kedua matanya. Seterusnya guru memberi **Baiat kepada muridnya dengan cara guru mengucapkan kata-kata **Baiat** dan diiringi oleh murid secara langsung**. Sehabis itu, guru mengucapkan "**infahna binajhihi minka**", dan dilanjutkan dengan ayat **Mubaya'ah** (S. Al-Fath:10) Seterusnya guru memperdengarkan kalimat tauhid dan mengajarkan cara melakukan zikir dengannya sebanyak tiga kali. Setelah

- murid mengikuti dengan benar apa yang diajarkan guru kepadanya, maka selesailah pertemuan pertama antara guru dan muridnya.
2. Wasiat guru kepada murid. Syekh memberi wasiat atau nasihat kepada muridnya agar mengikuti dan mengamalkan nasihat-nasihatnya yang semuanya berupa etika muslim lahir dan batin, serta mengekalkan wudhu, *istighfar* dan selawat atas Nabi.
 3. Pernyataan guru mernbaiat muridnya diterima sebagai murid dengan lafaz tertentu dan diterima juga oleh murid.
 4. Doa dibacakan oleh guru, baik doa yang bersifat umum maupun doa yang bersifat khusus, bagi murid yang baru diterima dengan lafaz doa masing-masing.
 5. Pemberian minum oleh guru kepada murid. Syekh mengambil segelas air yang sudah tersedia dan biasanya bercampur gula lalu dibacakan atasnya beberapa ayat Alquran. Kemudian air dalam gelas itu diberikan kepada muridnya untuk diminum pada saat itu.

Dengan selesainya pemberian minum tersebut, maka selesailah tahap pertama. Resmilah murid sebagai salah seorang pengikut tarekat yang selalu membuhul ikatan dengan guru sesuai dengan bay'at yang telah diucapkan.

Tahap Perjalanan

Maksudnya ialah tahap perjalanan si murid menuju Allah dengan ditemani oleh syekh guna melalui segala tanjakan yang harus dilalui.

Tahapan ini memerlukan masa yang panjang; bertahun-tahun baru terakhir. Dalam tahapan ini si murid selalu menerima ilmu hakikat dari syekhnya. Dia harus selalu berbakti kepadanya, menjunjung segala perintahnya, dan menjauhi segala larangannya. Dia harus berjuang keras melawan hawa nafsunya dan melatih dirinya (***Mujadah dan Riyadhah***) hingga dia memperoleh dari Allah apa yang pernah dibukakanNya kepada para nabi dan wali.

Bila sang murid sudah mencapai hal itu, maka tibalah saatnya masa perpisahan antara guru dengan murid. Pada saat itu guru memberikan ijazah "keguruan" (***Al-Masykihah***) kepada muridnya sehingga si murid itu telah menjadi seorang guru (syekh) Tariqah Qadiriyyah di antara guru-guru tariqah yang sudah ada. Hal ini juga ditandai dengan pemberian *talqin* kalimah tauhid oleh guru kepada muridnya dengan menyebut silsilah syekh yang memberinya hingga kepada pendiri tariqah dan terus kepada Jibril a.s., dan Allah swt. Akhirnya syekh menutup acara ini dengan doa dengan lafaz tertentu.

Ada suatu keunikan pada Tariqah Qadiriyyah ini, yaitu sifatnya yang luar biasa. Bila seorang murid telah mencapai darjat syekh seperti gurunya, dia tidak mempunyai suatu keharusan untuk terus mengikuti tariqah gurunya. Seorang syekh Tariqah Qadiriyyah yang baru dikukuhkan berhak untuk tetap mengikuti

tariqah guru sebelumnya atau memodifikasi tariqah yang lain ke dalam tariqahnya. Hal ini tampaknya karena ada petuah dari Syekh Abd al-Qadir al-Jaylani bahawa murid yang sudah mencapai derajat gurunya, maka dia jadi mandiri sebagai syekh dan Allahlah yang menjadi walinya untuk seterusnya.

Menurut Trimmingham, Tariqah Qadiriyyah sampai sekarang masih merupakan suatu tarekat yang besar di Dunia Islam dengan berjuta-juta pengikutnya. Mereka tersebar di segala penjuru bumi, seperti Yaman, Turki, Syria, Mesir, India, dan Afrika.

Sejak zaman Syekh Abd al-Qadir al-Jaylani sudah ada beberapa orang muridnya yang menyebarkan sistem tasawufnya ke berbagai negeri Islam. Misalnya: ' Ali ibn al-Haddad di daerah Yaman, Muhammad al-Batha'ihhi di daerah Baalbek dan di Syria, Taqiy al-Din Muhammad al-Yunani juga di daerah Baalbek, dan Muhammad ibn Abd al-Shamad di Mesir.

Menurut al-Washiti, ada dua orang di antara putra-putri Syekh Abd al-Qadir al-Jaylani yang berperan dalam penyebaran Tariqah Qadiriyyah ini, yaitu Abd al-Razzaq (W. 603 H.) dan Abd al-Aziz (W. 602 H.). Keduanya dengan ketulusan dan kerendahan hati telah bekerja keras menyebarkan ajaran tasawuf ayahandanya sehingga menimbulkan simpatik orang banyak untuk bergabung dengan ajaran tariqah ayahandanya tersebut. Malah menurut Le Chatelier, pada masa hidup Syekh Abd al-Qadir al-Jaylani sudah ada beberapa orang anaknya yang menyebarkan ajaran ayahandanya ke berbagai negeri, seperti: Maroko, Mesir, Arabia, Tukestan, dan India. Menurut E. Mercier, pada abad ke-12 M., sudah ada Tariqah Qadiriyyah memasuki daerah Barbar di Afrika Utara. Dengan demikian, Tariqah Qadiriyyah sudah tersebar luas ke berbagai negeri Islam di barat dan di timur dalam abad ke-12 dan ke-13 M. Hal ini merupakan hasil kerja keras anak-anaknya dan beberapa orang muridnya.

Akan tetapi, menurut Trimmingham, Tariqah Qadiriyyah yang berpusat di Syria dan Iraq pada abad ke-13M belum menampakkan indikator yang menegaskan adanya penyebaran besar-besaran sebelum abad ke-15M. Menurutnya, meskipun ketokohan Syekh Abd al-Qadir al-Jaylani sebagai seorang puncak wali yang mendunia sangat terkenal, tetapi Qadiriyyah sebagai tarekat kurang terkenal, terutama di Mesir. Di India, Qadiriyyah baru mantap perkembangannya setelah Muhammad Ghawsh (W. 1517 M.), yang mengaku keturunan Syekh Abd al-Qadir al-Jaylani. Di Turki, tariqah ini disebabkan oleh Ismail Rumi (W. 1041 H./1631 M.), yang diberi gelar sebagai "Pir Tsani" (*Mursyid* kedua). Dia mendirikan sebuah *ribath* (*khanaqah*) di Top-khaneh dan mengaku telah mendirikan 40 buah *taqiyah* (*zawiyah*) di daerah ini. Sebaliknya di Mekah, *ribath* Tariqah Qadiriyyah sudah berdiri sekitar tahun 1180 H. (1669 M.) Malah menurut penelitian Le Chatelier, sejak Syekh ' Abd al-Qadir masih hidup sudah ada *ribath* Qadiriyyah di kota suci tersebut.

TARIQAH NAQSYABANDIYAH

Tariqah Naqsyabandiyah didirikan oleh Muhammad ibn Muhammad Baha'u al-din al-Uwaisi al-Bukhari al-Naqsyabandi. Dia dilahirkan di sebuah desa bernama Hinduwan yang terletak beberapa kilometer dari Bukhara pada tahun 717 H. (13-17 M.) Desa itu kemudian disebut juga' Arifan. Di sinilah pula dia wafat dan dimakamkan pada tahun 791 H. (1389 M.). Vamberi memberitakan bahawa makamnya di Bukhara menjadi tempat ziarah, terutama orang-orang dari Cina. Dia disebut "al-Uwaysi" kerana sistem ajaran taswufnya menyerupai ajaran Uwayis al-Qarni, sufi terkenal pada masa sahabat. Ada pula yang mengatakan bahawa gelaran itu diberikan kerana ia adalah keturunan tokoh sufi tersebut. Gelar "Al-Naqsyabandi" diberikan kepadanya kerana dia pandai sekali memberi lukisan (*naqasy*) tentang kehidupan yang ghaib kepada muridnya.

Dalam usia 18 tahun Al-Naqsyabandi pergi ke Sammas yang terletak tiga kilometer dari Bukhara. Di sini dia belajar tasawuf pada seorang sufi besar bernama Muhammad Baba al-Sammasi (W. 740 H./1340 M.) Pada saat al-Sammasi akan wafat dia sempat mengangkat Al-Naqsyabandi menjadi khalifahnyanya. Setelah gurunya ini wafat, dia pergi ke Samarkand, sesudah itu ke Bukhara, di sana dia berkeluarga dan kembali pulang ke desa kelahirannya. Kemudian, dia pergi lagi ke Nasaf untuk meneruskan studinya pada seorang khalifah Al-Sammasi, Amir Kulal (w.772 H./1371 M.). Sesudah itu dia sempat pula tinggal di beberapa desa di Bukhara dan selama tujuh tahun belajar pada seorang khalifah Amir Kulal, , Arif al- Dikkirani. Dia sempat pula bekerja pada Sultan Khalil di Samarkand selama 12 tahun. Ibnu Bathuthah memuji keadilan pemerintahan Sulthan Khalil , yang membawa kemakmuran bagi rakyatnya. Setelah kerajaan ini jatuh, Al-Naqsyabandi kembali ke Zawartun untuk melakukan kehidupan sufi selama tujuh tahun. Pada tahun terakhir dari hayatnya dia kembali ke desa kelahirannya sampai hari wafatnya pada tahun 791 H. (1389 M.). Segala perbuatannya dikoleksi dengan baik oleh seorang muridnya yang setia, Salah ibn al-Mubarak yang mengumpulkannya dalam sebuah karya berjudul: *Maqamat Sayyidina Syah Naqsyaband*. Gelar "Syah" diberikan kepadanya dalam erti: pemimpin besar spiritual.

Akan tetapi, menurut Fakhr al-Din Ali ibn Husain, yang menulis suatu sejarah Tariqah Naqsyabandiyah dalam bukunya *Rasyahat 'Ain* tariqah ini berpangkal dari Abu Ya'qub Yusuf al-Hamadani (W. 535 H./1140 M.). Dia seorang sufi yang hidup semasa dengan Syekh Abd al-Qadir al-Jailani di Baghdad. Dialah yang mendorong al-Jailani mulai berkhotbah di hadapan masyarakat. Al-Naqsyabandi adalah keturunan dari Hamadani tersebut.Salah seorang khalifah Yusuf Al-Hamadani ialah Abd al-Khaliq Ghujdawani (W. 1220 M.), yang menyebarkan ajaran gurunya di daerah Tran Soxsania dengan cara yang disebut *tariqati Khwajagan* iaitu cara *Khoja* (guru). Dia menetapkan 8 prinsip yang kemudian dijadikan dasar Tariqah Naqsyabandi. Kerana itulah, tarekat Naqsyabandiyah sebelumnya juga disebut Tariqah Khwajagan. Dengan demikian, terdapat tiga nama yang lekat dengan Tariqah Naqsyabandiyah dari segi asal-usulnya, yaitu: Abu Ya'qub Yusuf al-Hamadani, , Abd al- Khaliq Ghujdawani, dan Muhammad Baha'u al-Din al-Naqsyabandi. Ketiga nama tersebut dihubungkan oleh sebuah silsilah tariqah sebagai berikut: Muhammad Baha'u al-Din al-Naqsyabandi mengambil dari Amir Kulal, mengambil dari

Muhammad Baba al-Sammasi, mengambil dari Azizan Ali al-Ramitani mengambil, dari Mahmud Faghawi, mengambil dari Arif Riwhari, mengambil dari Abd al-Khaliq al-Ghujdawani, mengambil dari Abu Ya'qub Yusuf al-Hamadani.

Adapun dasar-dasar ajaran Tariqah Naqsyabandiyah - sebagaimana dijelaskan Najm al-Din Amin al-Kurdi dalam kitabnya **Tanwir al-Qulub** - ialah pengamalan sebelas kata berbahasa Persi. Lapan di antaranya berasal dari ajaran Abd al-Khaliq al-Ghujdawani (Khwajagan) dan tiga yang lain berasal dari ajaran Muhammad Baha'u al-Din al-Naqsyabandi.

Kelapan ajaran Al-Ghujdawani tersebut ialah:

1. **Husy dari dam** (kesadaran dalam bernafas). Maksudnya, pemeliharaan setiap nafas yang keluar masuk dari lupa kepada Allah sehingga hatinya selalu hadir bersama Allah dalam segala nafasnya.
2. **Nazhar barf qadam** (memperhatikan tiap langkah diri). Maksudnya, setiap *salik* bila berjalan harus selalu melihat ke tempat kakinya melangkah dan bila ia duduk harus hanya melihat ke tempat di depannya. Dia dilarang memperluas tempat pandangannya karena dikhawatirkan tidak mampu memelihara hatinya yang banyak diganggu oleh kerana pandangannya.
3. **Safat dar wathan** (perjalanan mistik di dalam diri). Maksudnya, setiap *salik* harus berpindah dari sifat-sifat manusia yang rendah kepada sifat-sifat malaikat yang utama.
4. **Khalawat dar anjuman** (kesendirian dalam keramaian). Maksudnya, hati si *salik* harus selalu hadir bersama Allah dalam segala situasi, baik dia sendirian jauh dari manusia maupun sedang bergaul di tengah-tengah manusia banyak.
5. **Yad kard** (peringatan kembali). Maksudnya, selalu mengulangi zikir, baik zikir dengan nama zat (kalimat : Allah) maupun dengan zikir *nafi-itsbat* (kalimat: *La ilaha illa Allah*) hingga yang diingat selalu hadir.
6. **Baz kasyt** (menjaga pemikiran sendiri). Maksudnya, si *salik* kembali berzikir dengan *nafi-itsbat* setelah *munajat* dengan kalimat "Ilahi ant a Maqshudi wa Ridhaka Mathlubi", kerana dengan itu akan terwujudlah pandangan si *salik* dalam hatinya terhadap wujud segala makhluk.
7. **Nikahdasyt** (memperhatikan pemikiran sendiri). Maksudnya, murid harus menjaga hatinya dari kemasukan segala lintasan godaan yang mengganggu meskipun hanya sejenak.
8. **Yaddast** (pemusatan perhatian kepada Allah). Maksudnya, konsentrasi segala perhatian penuh tanpa kata-kata tertuju kepada *musyahadah* terhadap cahaya-cahaya Zat Yang Esa. Hal ini tidak dapat terwujud tanpa lebih dahulu mengalami *fana* yang sempurna dan *baqa* yang sempurna.

Adapun ketiga ajaran dasar yang ditetapkan oleh Al-Naqsyabandi ialah:

1. **Wukuf Zamani.** Maksudnya, si *salik* setiap berlalu dua atau tiga jam dalam kehidupannya hendaklah dia memperhatikan: Apakah selama itu dia selalu ingat kepada Allah atau lupa. Bila ia selalu ingat, hendaklah dia bersyukur kepada Allah; bila dia lupa, maka hendaklah dia minta ampun dan kembali ingat kepada Allah.
2. **Wukuf 'Adadi.** Maksudnya, si *salik* hendaklah selalu memelihara bilangan ganjil dalam berzikir *nafi-itsbat*, seperti 3, 5, 7, dan seterusnya.
3. **Wuquf qalbi.** Maksudnya, keadaan hati si *salik* selalu hadir bersama Allah dalam erti tak ada sedikit pun peluang dalam hati untuk tertuju kepada selain Allah dan terlepas dari pengertian *zikir*.

Sebenarnya terdapat beberapa ajaran Tariqah Naqsyabandiyah yang berbeza dari ajaran Tariqah Qadiriyyah dan tariqah-tariah lainnya. Misalnya: Naqsyabandiyah dalam berzikir mengutamakan *zikir* di dalam hati (*zikir khafi*), sedangkan Qadiriyyah mengutamakan *zikir* lisan (*zikir jahar*). Begitu pula, Naqsyabandiyah mendahulukan "*al-Jadzba*" (memperoleh hubungan kesadaran dengan Allah) dari pada *suluk* (berjalan menuju Tuhan), sedangkan Qadiriyyah dan umumnya tariqah yang lain mendahulukan *suluk* dari "*al-jadzba*" kerana yang disebut terakhir ini adalah fasa akhir dari kegiatan tariqah. Kerana itulah, Al-Naqsyabandiyah pernah berkata,

"Permulaan tariqah kita adalah fasa akhir segala tariqah".

Perbezaan tersebut hanya menegaskan keunikan masing-masing tarekat sebagai suatu mazhab dalam tasawuf, yang masing-masing mempunyai dasar pegangan.

Kiranya di sini perlu juga dikemukakan salah satu pedoman tata-cara *berzikir* didalam hati menurut Tariqah Naqsyabandiyah. Ada sebelas macam yang harus dikerjakan oleh seorang yang *berzikir*, iaitu:

1. Bersuci, iaitu mengambil air wudhu.
2. Mengerjakan shalat dua raka'at.
3. Menghadap kiblat di tempat yang sepi.
4. Duduk *tawarruk* dengan kebalikan *tawarruk* dalam solat. Dengan duduk seperti itu dimaksudkan lebih tawadhuk dan lebih memusatkan pada perasaan.
5. Mengucap istighfar dengan maksud meminta ampun kepada Allah terhadap segala dosa yang pernah dikerjakan. Juga membayangkan bahawa Allah selalu melihat dan mengawasi segala perbuatannya.

- Istighfar dibaca dengan menghadirkan maknanya sebanyak 5 kali atau 25kali.
6. Membaca surat Al-Fatihah sekali dan surat Al-Ikhlas tiga kali dengan menghadiahkan pahalanya kepada ruh Nabi Muhammad saw. dan ruh-ruh semua syekh Tariqah Naqsyabandiyah.
 7. Memejamkan kedua mata, mengatupkan kedua bibir , dan melekatkan hujung lidah ke langit-langit. Maksudnya untuk memantapkan kekhusyukan dan menghindarkan datangnya lintasan dari penglihatan.
 8. **Rabithat al-qabr.** Maksudnya, menaruh perhatian kepada datangnya maut. Caranya dengan membayangkan bahwa Anda telah mati, lalu dimandikan, dikafani, dishalatkan, dibawa ke kubur, diletakkan diliang lahad, ditinggalkan sendiri oleh keluarga dan teman, dan Anda sadar bahwa di saat itu tak ada yang memberi manfaat kecuali amal salih.
 9. **Rabithat al-mrusyid.** Maksudnya mempertemukan hati murid dengan hati guru (syekh), mengingat rupa guru dalam imajinasinya meski- pun dia tidak ada, menganggap hati guru sebagai pancuran yang akan mengalirkan limpahan kurnia Ilahi kepada hati murid, dan meng- harapkan tercurahnya *barakah* darinya. Syekh adalah *washilah* dan *wasithah* (perantara) untuk sampai kepada Allah.
 10. Memusatkan perhatian kepada segala indera jasmani, memutus segala lintasan ke dalam hati dan mengarahkan segala potensi diri kepada Allah, seraya mengucapkan: "**Ilahi Anta Maqsudi Wa Ridhaka Mathlubi**" (Tuhanku, Engkau tujuanku dan rido-Mu tuntutanmu) sebanyak tiga kali. Lalu diteruskan *zikir* dengan nama zat (Allah di dalam hati. Lafaz Allah terus mengalir di dalam hati bersama maknanya bahawa Dia selalu hadir, melihat, dan meliputi.
 11. Menunggu berlalunya *zikir* sampai berhenti sebelum membuka ke- dua matanya. Bila diperlihatkan waktu itu suatu kegaiban (*ghaybah*) atau suatu kontak kesadaran dengan Allah (*jadzbah*) maka *zikir* jangan dihentikan dulu pada saat itu.

Dengan keunikan ajarannya, Tariqah Naqsyabandiyah banyak menarik minat umat Islam mengikutinya. Doktrinnya memberi harapan kepada setiap orang untuk cepat memperoleh derajat kesufian yang tinggi dalam kehidupannya. Tidak saja dari kalangan awam yang banyak tertarik kepadanya, tetapi juga dari kalangan ulama dan penguasa banyak yang menjadi anggotanya. Tidak heran kalau dalam sejarah perkembangannya, pernanan Tariqah Naqsyabandiyah di bidang politik juga banyak ditemukan.

TARIQAH QADIRIYAH NAQSYABANDIYAH

Sebagaimana telah disinggung di atas, kelahiran Tariqah Qadiriyyah Naqsyabandiyyah (TQN) tidak dapat dilepaskan dari ketokohan Syekh Ahmad Khatib al-Sambasi yang dianggap sebagai pendirinya. Dia berasal dari Kampung Dagang (ada yang mengatakan dari Kampung Asam) di daerah Sambas Kalimantan Barat. Nama lengkapnya: Syekh Ahmad Khatib ibn Abdl al-Gaffar al-Sambasi al-Jawi. Tidak ada catatan bilakah dia dilahirkan. Tetapi sejak perempat kedua abad ke-19 M. dia menetap di kota suci Mekah sampai akhir hayatnya pada tahun 1875 M. Di kota suci inilah dia belajar pelbagai ilmu agama Islam hingga dia menjadi seorang ulama besar yang mengajar di Masjidil Haram Mekah. Di antara gurunya ialah Syekh Daud ibn Abdullah al-Fathani, seorang ulama besar penyusun pelbagai kitab di bidang fiqh, ushuluddin, dan tasawuf, yang hidup di Mekah semasa dengan Syekh Muhammad Arsyal al-Banjari (W. 1812 M.) dan Syekh Abd al-Shamad al-Falimbani (W. 1800 M.) Se- lama mengajar di Mesjid al-Haram, Akhmad Khatib Sambas juga banyak mempunyai murid yang terkenal. Di antaranya ialah Syekh Nawawi al-Bantani, pengarang banyak kitab agama dan dijuluki sebagai "**Sayyid 'Ulama al-Hijaz**" (pemimpin para ulama di Hejaz).

Ketokohan Syekh Ahmad Khatib Sambas yang menonjol adalah di bidang tasawuf. Banyak "legenda" yang beredar di masyarakat tentang kekeramatannya sejak kecil. Snouck Hurgronje mencatat dalam bukunya "**Mekkah in the later part of the Nineteenth Century**" bahawa Khatib Sambas sebagai pemimpin tertinggi Tariqah Qadiriyyah yang berpusat di Mekah waktu itu. Menurut Naquib al-Attas, dia juga seorang syekh (pemimpin) Tariqah Naqsyabandiyah di samping kedudukannya sebagai seorang syekh Tariqah Qadiriyyah. Sebagai pemimpin tertinggi Tariqah Qadiriyyah di Mekah, dia menggantikan gurunya, Syekh Syamsuddin, yang telah mengangkat Khatib Sambas sebagai "mursyid" yang akan menggantikannya bila dia wafat. Dengan status inilah, dia banyak mempunyai murid-murid pemimpin tariqah yang menyebarkan Tariqah Qadiriyyah Naqsyabandiyyah di Nusantara pada abad ke-19 M.

Sebagai pemimpin tariqah, Syekh Ahmad Khatib Sambas menulis sebuah buku berjudul **Fathul Arifin**, yang berisi pedoman praktikal bagi para pengikutnya dalam mengamalkan tariqahnya. Dalam kitab tersebut, terdapat penegasan pengarangnya bahawa tariqahnya berdasarkan atas lima macam tariqah, yaitu: Naqsyabandiyah, Qadiriyyah, Anfasiyyah, Junaydiyah, dan Muwafaqah. Kelima macam tariqah tersebut masing-masing mempunyai keunikan, yang digunakan dalam tariqah ini. Naqsyabandiyah dengan zikir *khafi* (diam)-nya, Qadiriyyah dengan zikir *jahar* (nyaringnya), Anfasiyyah dengan zikir peredaran nafas, Junaydiyah dengan zikirnya pada setiap hari selama seminggu dengan lafaz-lafaz tertentu, dan Muwafaqah dengan zikir *As-ma u al-Husna*". Semuanya mendapat tempat dalam pengamalan tariqah ini (TQN). Mungkin karena inti pengamalan tariqah ini pada zikir *jahar* dan zikir *khafi* pada setiap habis shalat fardhu yang keduanya merupakan inti ajaran Tariqah Qadiriyyah dan Naqsyabandiyah, maka tariqah ini dinamai TQN. Penonjolan kedua tariqah tersebut juga tampak dalam "*tawassul*" yang digunakan dalam tariqah ini. Khusus untuk kalangan para syekh dalam Tariqah Qadiriyyah disebutkan lebih

dahulu antara lain: Syekh ' Abd al-Qadir al-Jailani, Abu al-Qasim al-Baghdadi, Siri al-Saqathi, Ma'rufal-Karkhy; sedangkan khubutkan lebih dahulu antara lain: Syekh ' Abd al-Qadir al-Jailani, Abu al- Qasim al-Baghdadi, Siri al-Saqathi, Ma'ruf al-Karkhy; sedangkan khusus untuk kalangan para syekh dalam Tariqah Naqsyabandiyah disebutkan sesudahnya, antara lain: Syekh Abu Yaid al-Bisthami, Yusuf al- Hamdany, Bahauddin al-Naqsyabandi dan Al-Imam al-Rabbany (Syekh Ahmad Faruqi Sirhindi). Mendahulukan nama Qadiriyyah daripada nama Naqsyabandiyah. Dalam nama tariqah ini (TQN) juga berdasarkan silsilah yang digunakan Khatib Sambas Sewaktu mengajarkan ajaran tariqah kepada para muridnya. Para murid inilah yang mengembangkan tarekat ini di Indonesia dengan bersumber pada silsilah Tariqah Qadiriyyah, bukan Naqsyabandiyah. Dalam silsilah tersebut ditegaskan bahawa dia (Khatib Sambas) menerima dari Syekh Samsudin dari Syekh Muhammad Murad dari Syekh Abdul Fattah daTi Syekh 'Usman daTi Syekh , Abd al-Rahim Syekh Abu Bakar dari Syekh Nuruddin dari Syekh Syarf al-Din dari Syekh Syamsuddin dari Syekh Muhammad Hataak dari Syekh Abd al-' Aziz dari Syekh Abd al-Qadir al-Jaylani dari Syekh Abi Sa'id al-Mahzumi dari Syekh Abi Hasan al-Hakari dari Syekh Abu al-Faraj al- Thartusyi dari Syekh Abd al- Wahid al- Tamimi dari Syekh Abu Bakar al- Syibli dari Syekh Abu al-Qasim Junayd al-Baghdadi dari Syekh Sari al- Saqathi dari Syekh Ma'ruf al-Karkhi dari Syekh Abu al-Hasan' Ali al-Ridha dari Musa al-Kazhim dari Ja'far al-Shadiq dari Muhammad al-Baqir dari Zainal Abidin dari Husin ibn Ali dari Ali ibn Abi Thalib dari Nabi Muhammad saw. Dengan demikian, jelaslah bahwa Tariqah Qadiriyyah Naqsyabandiyyah (TQN) adalah Tariqah Qadiriyyah yang dikemkan oleh Syekh Ahmad Khatib al-Sambasi dengan mengambil beberapa bentuk amalan dari pelbagai tariqah lainnya, terutama dari Tariqah Naqsyabandiyah, yang juga pernah diterimanya.

RIWAYAT SINGKAT SYEIKH TOLHAH BIN THOLABUDDIN

- Lahir di Desa Trusmi, kecamatan Weru, Kabupaten Cirebon di perkiraan tahun 1825.
- Ayahnya bernama KH. Tolabuddin, lahir di Desa Trusmi putera dari KH. Radpuddin keturunan Pangeran Trusmi putera Sunan Gunungjati.
- Mengikuti pendidikan agama, diawali di Pesantren Rancang (pesantren ayahnya), kemudian melanjutkan ke Pesantren Ciwaringin (semuanya masih diwilayah Kabupaten Cirebon) kemudian melanjutkan ke Pesantren Lirboyo di Ponorogo-Jawa Timur, kemudian meneruskan di Gresik-Jawa Timur, dari Gresik pulang dahulu mengajar di Pesantren Rancang mrmbsntu ayahnya. Selanjutnya pergi menunaikan ibadah Haji dan terus mukim di Mekkah, mempelajari Tasawuf dan Tariqah dari Syekh Ahmad Khatib Sambas Ibn. Abdul Gaffar khusus tentang Tariqah Qadiriyyah Naqsyabandiyah (TQN) hingga mencapai kedudukan sebagai wakil Talqin dan membantu Syekh Ahamd Khatib Sambas beberapa waktu lamanya.

- Diperkirakan tahun 1873 kembali dari Mekah mengajar di Pesantren Rancang.
- Sekitar tahun 1876 mendirikan pesantren di Begong, Desa Kalisapu, Kabupaten Cirebon.
- Ditangkap oleh aparat keamanan colonial Belanda di Cirebon sekitar tahun 1889 atas tuduhan menghina Ratu Belanda dan mempersiapkan perlawanan pemerintah colonial Belanda.
- Berangkat ke Mekah untuk kedua kalinya, kembali dari Mekah berhenti beberapa waktu lamanya di Singapura kerana kapalnya rusak. Sempat memberi pelajaran tentang TQN di Singapura.
- Dari pernikahan dengan isteri-isterinya dikaruniai anak 18 laki-laki, 8 perempuan dan punya cucu 69 orang (sebagian kecil masih hidup)
- Menjadi penasehat dan pembimbing keagamaan di Kesultanan Kasepuhan Cirebon, Bupati Kuningan 1892 dan bagi para pejabat tinggi pemerintahan dan para bangsawan di Cirebon.
- Meninggal dunia tahun 1935 dimakamkan di kompleks pemakaman Gunungjati.

RIWAYAT SINGKAT SYEKH ABDULLAH MUBAROK BIN NUR MUHAMMAD (ABAH SEPUH)

- Lahir sekitar tahun 1836 di Kampung Cicalung, Desa Bojongbentang Kecamatan Pagarageung, Kabupaten Tasikmalaya.
- Ayahnya bernama Rd. Nur Muhammad alias Nurpraja alias Eyang Upas. Ibunya bernama Ny. Emah
- Mengikuti pendidikan agama pertama kali di Pesantren Sukamiskin (Kabupaten Bandung). Setelah mendirikan Pesantren Tundangan dekat Kota Tasikmalaya kemudian melanjutkan menambah ilmu, iaitu memperdalam ilmu Tasawuf dan Tariqah kepada Syekh Tolhah di Begong, Kalisapu dan Trusmi di Cirebon selama 23 tahun.
- Berkunjung ke Syekh Kholil di Madura sambil menambah ilmu atas ajaran syekh Tolhah.
- Mendirikan pesantren Godebag yang kemudian diganti menjadi Suryalaya tahun 1905 atas saran Syekh Tolhah.

- Diangkat sebagai Wakil Syekh Tolhah, kemudian ditetapkan sebagai penggantinya sekitar tahun 1900. Pelantikan dilaksanakan di rumah Syekh Tolhah di Trusmi (dekat dengan Pangeran Trusmi putera Sunan Gunungjati)
- Tahun 1935 Syekh Mubarak secara definitif sebagai Khalifah TQN di Jawa Barat berkedudukan di Suryalaya-Tasikmalaya
- Beberapa kali pergi Haji dan pernah bermukim di Mekah sekalipun tidak lama.
- Memiliki keahlian dalam bidang pertanian, pengairan dan perkikanaan di luar ilmu agama. Irigasi pedesaan sepanjang 2 km berhasil dibangun.
- Menjadi guru, pembimbing dan penasehat Bupati Tasikmalaya, Ciamis dan Bandung tahun 1910 hingga tahun 1930 serta para pejabat tinggi pemerintah dan perwira TNI pada masa perang kemerdekaan 1945-1949 dan berlanjut hingga tahun 1956.
- Berhasil mengusahakan pembubaran Negara Pesundan dan Republik Indonesia serikat tahun 1950 serta mengembalikan Pemerintah Propinsi Jawa Barat Republik Indonesia dengan dipimpin Gubernur Sewaka.

RIWAYAT SINGKAT SYEIKH KYAI H AHMAD SHOHIBULWAFI TAJUL ARIFIN (ABAH ANOM)
--

- Lahir tanggal 1 Januari 1915 di Kampung Godebag/Suryalaya, Desa Tangjungkerta, Kecamatan Pagarageung, Kabupaten Tasikmalaya.
- Ayahnya bernama Syekh H. Abdullah Mubarak Bin Nur Muhammad, ibunya bernama Hj. Juhriyah.
- Mengikuti pendidikan umum di Sekolah Dasar Zaman Belanda (Vervoleg School) di Ciamis (1923-1929), masuk Madrasah Tsanawiyah di Ciawi Kabupaten Tasikmalaya (1929-1931), menambah ilmu agama di Pesantren Cicariang di Kabupaten, Cianjur, kemudian di Gentur –Cianjur, kemudian ke Jambudiba –Cianjur, kemudian di Pesantren Cireungas-Cimalati Kabupaten Sukabumi (khusus ilmu Hikmat, ilmu tarekat dan ilmu beladiri, Silat) dari KH. Aceng Mumu, kemudian di Pesantren Citengah – Panjalu Kabupaten Ciamis.
- Melaksanakan riyadah dan ziarah ke makam para wali atas perintah ayahnya sambil menimba ilmu di Pesantren Kaliwungu-Kendal-Jawa Tengah, kemudian di Bangkalan Madura bersama kakak kandungnya H.A Dahlan dan wakil Abah Sepuh KH Pakih dari Talaga Majalengka.

- Tahun 1938 menunaikan ibadah haji ke Mekah bersama KH. Simri Hasanudin (keponakannya yang kemudian menjadi Kepala Desa Tanjungkerta)
- Di Mekah selama 7 bulan memperdalam ilmu Tasawuf dan Tariqah kepada Syekh H. Romli asal Garut, wakil Abah Sepuh yang mukim di Jabal Gubeys, Mekah.
- Tahun 1939 membantu ayahnya mengajar di Pesantren Suryalaya, 1945-1949 turut berjuang menegakkan kemerdekaan.
- Tahun 1953 ditugaskan memimpin Pesantren Suryalaya sekaligus diangkat sebagai wakil Abah Sepuh.
- Tahun 1953-1962 turut aktif mengatasi gangguan keamanan yang diakibatkan oleh gerombolan DI/TII Karto Suwiryono bersama pasukan TNI Yon 329/11 April Resimen Gunungjati. Mendapat penghargaan atas jasa di bidang keamanan.
- Tahun 1962-1995 aktif membantu pemerintah melaksanakan pembangunan dalam bidang : Pertanian, Pendidikan, Lingkungan Hidup, Sosial, Kesehatan, Koperasi dan Politik. Banyak menerima penghargaan dari pemerintah untuk bidang-bidang tersebut, seperti Satya Lencana Bakti Sosial, Kabupaten dan lain-lainnya.
- Sejak tahun 1980 hingga sekarang telah membangun 22 Inabah (Panti Rehabilitasi remaja korban Narkotika) dan menyembuh +9000 remaja sakit akibat Narkotika, Inabah tersebar di Singapura dan Malaysia.
- Berhasil mengembangkan TQN ke luar negara (Singapura, Malaysia, Brunei dan Thailand)

WAKIL TALQIN

Dakwah TQN telah mulai dikembangkan sejak zaman Abah Sepuh lagi. Untuk memastikan bahwa pengamalan dapat disebarkan serta diamalkan dengan secara luas lagi, maka Syekh H Ahmad Sohibulwafa Tajul Arifin telah mengangkat beberapa orang wakil talqin dari baergabai daerah di Indonesia mahupun di luar negeri untuk tujuan memberikan bai'at dan mengajarkan akan zikrullah menurut pengamalan TQN Pondok Pesantren Suryalaya.

Pada zaman Abah Sepuh lagi, beberapa orang wakil talqin telah diangkat untuk tujuan ini termasuk KH Ahmad Sohibulwafa Tajul Arifin. Sehingga sekarang jumlah wakil talqin telah melebihi 40 orang dan ianya mungkin bertambah mengikut kebijaksanaan dan hikmah Mursyid.

WAKIL TALQIN YANG TELAH DIANGKAT OLEH ABAH SEPUH SEBAGAI GURU MURSYID TQN

1. KH. Abdullah bin H. Sanusi (Abah Dulah) Di daerah Dayeuh Kolot , Bandung
2. KH. Usman Sumantapura (Abah Endi) Di daerah Cisayong, Tasikmalaya
3. KH. Mukhtar bin Abdul Gani (Mama Mukhtar) Di daerah Cijulang, Ciamis
4. Gulam Nabi, Tasikmalaya
5. KH. Abdullah Pakih (Abah Pakih)
6. KH. Najmudin Di daerah Salopa, Tasikmalaya
7. K. Moh. Abidin Di daerah Ciawi, Tasikmalaya
8. KHA. Shohibulwafa Tajul Arifin Di daerah Godebag, Tanjungkerta, Tasikmalaya
9. K. Ahmad Ali Hidajat bin Soemadimadja (Abah Dayat) Di daerah Ciawi, Tasikmalaya

WAKIL TALQIN TQN & MUBALIGH PONDOK PESANTREN SURYALAYA YANG TELAH DIANGKAT OLEH ABAH ANOM

NO	NAMA WAKIL TALQIN	TAHUN DIANGKAT	TEMPAT
1.	KHR. Abdullah Syarif	1974	Ciawi, Tasikmalaya
2.	KHA. Muhaeminul Aziz	1974	Cianjur
3.	Ust. Hj. Ali Hj. Mohamed	1975	Singapura
4.	Ust. Hj. Md. Trang Isa	1978	Sarawak, Malaysia
5.	Ust. Hj. Md. Otsman Abd. Latif (meninggal)	1981	Terengganu, Malaysia
6.	KH. Kudi Mustofa	1984	Indramayu
7.	Ust. Hj. Mohd. Zuki As Sujak bin Syafei	1986	Kedah, Malaysia
8.	Ust. Lukman H. Kamiludin	1986	Mataram, NTB
9.	KH. Komarudin	1986	Pemalang, Jawa Tengah
10.	KH. Mahfud Ali	1986	Kebumen, Jawa Tengah
11.	KH. Noor Anom Mubarak, BA	1987	Bandong
12.	Ust. H. Ahmad A. Rahim	1988	Cirebon
13.	KH. Zaenal Abidin Anwar	1990	Suryalaya
14.	KH. Drs. Otong Sidiq, Dj	1990	Ciamis
15.	KHM. Abdul Gaos SM	1990	Ciamis
16.	KHM. Jejen ZA. Bazul Ashab	1994	Sukabumi
17.	KH. Abd. Rasyid Effendi, BA	1994	Jakarta

18.	Prof. Dr. Juhaya S. Praja	1994	Bandung
19.	KH. AS. Nasution, SH	1994	Bandung
20.	KHM. Pupu A. Saefudin Faruk	1994	Tasikmalaya
21.	KH. Arief Ichwanie AS	1994	Bandung
22.	KHM. Helmy A. Basyacban	1994	Surabaya
23.	KH. Drs. Toha Abdurrahman	1994	Yogyakarta
24.	Ust. Muksin Tanusi	1994	Sukabumi
25.	KH. Saleh Talib	1994	Pontianak
26.	Ust. HM. Nur A. Fatah	1994	Pontianak
27.	KH. Drs. A. Golib Siregar	1994	Bandung
28.	KH. Ahmad Jahri Anwar	1994	Pekalongan
29.	KH. Yusuf Tobar	1994	Sukabumi
30.	Syekh Abdul Latif Deli	1994	Medan
31.	Ust. H. Mansur Salleh	1996	Sabah, Malaysia
32.	KH. Husni H. Abdul Khoer	1996	Bogor
33.	KH. Mansur Somad	1997	Surabaya
34.	Ust. Drs. H. Wahfiudin	1998	Jakarta
35.	Prof. Dr. H. Zurkani Yahya	1998	Banjarmasin
36.	Dr. Syekh H. Abd. Jabbar Malik	1998	Palembang
37.	Prof. Dr. HA. Tafsir, MA	1999	Bandung
38.	Ust. Beben Muhammad Dabas	2000	Tasikmalaya
39.	Ust. Miftah Mintarham	2000	Lumajang – Jatim
40.	Ust. H Abdul Manan	2001	Trengganu - Malaysia

